				6) Enakmen Kebebasan Maklumat 2010 7) Undang-Undang Kecil Mengkompau Kesalahan-Kesalahan (Majlis Bandaraya Seberang Perai) Jalan, Parit dan Bangunan 2020 8) Undang-Undang Kecil Mengkompau Kesalahan-Kesalahan (Majlis Bandaraya Seberang Perai) 2020	
1.8	Mengadakan <i>game show / treasure hunt</i> berunsurkan Undang-Undang PBT di program <i>Car Free Morning</i>	Mengadakan program berkaitan undang-undang bersama penduduk Seberang Perai (3 program setahun)	3 program setahun	Jabatan Undang-Undang telah mengadakan “Program Sembang Santai Virtual Seberang Perai” berunsurkan Undang-Undang PBT seperti berikut:- 1) Muat naik video podcast taklimat melalui Facebook MBSP (Akta 171 serta UUK yang berkaitan dengannya pada 1/12/2020 dan Link capaian soalan kuiz pada 6/12/2020 (Ahad) – (Siri 1) 2) Muat naik video podcast taklimat melalui Facebook MBSP (Akta 172 serta UUK yang berkaitan dengannya pada 8/12/2020 dan Link capaian soalan kuiz pada 13/12/2020 (Ahad) – (Siri 2) 3) Muat naik video podcast taklimat melalui Facebook MBSP (Akta 133 serta UUK yang berkaitan dengannya pada 15/12/2020 dan Link capaian soalan kuiz pada 20/12/2020 (Ahad) – (Siri 3)	100%
1.9	Memberi taklimat (<i>game show</i>) berkaitan perundangan PBT kepada kanak-kanak tadika.	Menerapkan pendidikan awal dalam diri kanak-kanak (3 program setahun)	3 program setahun	Jabatan Undang-Undang telah mengadakan program taklimat (<i>game show</i>) berkaitan perundangan PBT kepada kanak-kanak secara Virtual seperti berikut:-	166%

BIL	RINGKASAN AKTIVITI / PROJEK	PETUNJUK PRESTASI (KPI)	SASARAN KERJA	PENCAPAIAN SEBENAR	CATATAN
				1) Tadika Aulad Aakif, No. 1 Lorong Sungai Dua Utama 2, Taman Sungai Dua Utama, Butterworth pada 15/12/2020 (Selasa) (Siri 1) 2) Tadika Khalifah Intelek, Taman Bertam Putra 17/12/2020 (Khamis) (Siri 2) 3) Tadika Khalifah Intelek, Taman Bertam Perdana 17/12/2020 (Khamis) (Siri 3) 4) Tadika Khalifah Genius Intelek Taman Bertam Perdana pada 17/12/2020 (Khamis) (Siri 4) 5) Tadika Khalifah Intelek, Taman Sungai Dua Utama 23/12/2020 (Rabu) (Siri 5)	

LAPORAN PRESTASI UNIT PERJANJIAN

A. TUGAS-TUGAS UNIT PERJANJIAN

1. Mendraf, menyediakan dan/atau menyemak dokumen perjanjian.

B. PENCAPAIAN UNIT PERJANJIAN BAGI TAHUN 2019 & 2020

BIL	PERKARA	JUMLAH 2019	JUMLAH 2020
SENARAI PERJANJIAN UNTUK JABATAN-JABATAN DI MBSP (Tidak termasuk Perjanjian Penyewaan)			
1	Jabatan Korporat & Perhubungan Antarabangsa	3	-
2	Jabatan Khidmat Pengurusan	22	27
3	Jabatan Teknologi Informasi dan Komunikasi	30	27
4	Jabatan Perbendaharaan	4	7
5	Jabatan Kemasyarakatan	10	2
6	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	6	4

BIL	PERKARA	JUMLAH 2019	JUMLAH 2020
7	Jabatan Pelesenan	1	-
8	Jabatan Kejuruteraan	174	82
9	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran	21	11
10	Jabatan Undang-Undang	-	-
11	Jabatan Bangunan	1	-
12	Direktorat Penguatkuasaan	1	2
13	Jabatan Perancang Bandar	2	-
14	Jabatan Pesuruhjaya Bangunan	-	-
15	Jabatan Landskap	24	13
16	Jabatan Perkhidmatan Kesihatan	5	2
17	Jabatan Pengurusan Krisis	-	-
18	Unit Pelancongan, Seni dan Warisan	1	1
19	Unit Audit Dalaman	-	-
20	Unit One Stop Centre (OSC)	-	-
21	Unit Butterworth Baharu	-	-
JUMLAH		305	178

NOTA:

Memuktamadkan draf perjanjian sehingga proses mematikan setem dalam tempoh 4 bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima.

(Sekiranya dokumen dihantar 2 minggu sebelum tamat tempoh atau selepas tamat 4 bulan, perjanjian hanya akan dimuktamadkan oleh Jabatan Undang-Undang dalam tempoh 2 bulan setelah dokumen diterima)

C. PENYEDIAAN DOKUMEN PERJANJIAN DIKENAKAN CAJ BAYARAN

Caj bayaran yang dikenakan kepada pihak kontraktor / pembekal bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:-

BIL	BULAN	JUMLAH (RM)
1	JANUARI	12,300.00
2	FEBRUARI	11,150.00
3	MAC	2,600.00
4	APRIL	0.00
5	MEI	7,600.00
6	JUN	11,400.00
7	JULAI	9,300.00
8	OGOS	7,780.00
9	SEPTEMBER	9,500.00
10	OKTOBER	10,500.00
11	NOVEMBER	11,650.00
12	DISEMBER	5,000.00
JUMLAH		101,480.00

LAPORAN PRESTASI UNIT GUBALAN & NASIHAT

A. TUGAS-TUGAS UNIT GUBALAN DAN NASIHAT:

1. Memberi nasihat perundangan kepada MBSP.

B. PENCAPAIAN UNIT GUBALAN DAN NASIHAT BAGI TAHUN 2019 & 2020

BIL	PERKARA	JUMLAH 2019	JUMLAH 2020
NASIHAT PERUNDANGAN			
Kekerapan nasihat perundangan yang dicatat di sini hanya berdasarkan pandangan undang-undang yang diberikan secara bertulis dan direkodkan dalam fail. Ianya tidak termasuk pandangan yang diberikan secara terus (perbincangan/percakapan) di pejabat atau semasa mesyuarat.			
1	Pejabat Datuk Bandar	8	1
2	Pejabat Tuan Setiausaha Bandaraya		2

BIL	PERKARA	JUMLAH 2019	JUMLAH 2020
3	Jabatan Korporat & Perhubungan Antarabangsa	2	-
4	Jabatan Khidmat Pengurusan	2	7
5	Jabatan Perbendaharaan	4	1
6	Jabatan Kemasyarakatan	1	-
7	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	-	4
8	Jabatan Pelesenan	-	12
9	Jabatan Kejuruteraan	2	9
10	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran	-	15
11	Jabatan Undang-Undang	-	-
12	Jabatan Bangunan	3	-
13	Direktorat Penguatkuasaan	4	8
14	Jabatan Perancang Bandar	4	5
15	Jabatan Pesuruhjaya Bangunan	-	-
16	Jabatan Landskap	-	-
17	Jabatan Perkhidmatan Kesihatan	1	4
18	Jabatan Teknologi Informasi dan Komunikasi	-	-
19	Unit Audit Dalaman	-	3
20	Unit One Stop Centre (OSC)	-	-
21	Bahagian Keselamatan dan Komuniti	-	1
JUMLAH		31	72

LAPORAN PRESTASI UNIT LEMBAGA RAYUAN

A. TUGAS-TUGAS LEMBAGA RAYUAN:

- i. Menyediakan dan memuatnaik pernyataan responden dan lampiran-lampiran ke dalam Sistem e-rayuan bagi kes-kes Lembaga Rayuan
- ii. Mengadakan perbincangan dengan saksi-saksi yang terlibat dengan kes-kes Lembaga Rayuan
- iii. Menyediakan pernyataan saksi-saksi untuk dikemukakan kepada panel Lembaga Rayuan.
- iv. Mewakili pihak responden (MBSP) bagi persidangan kes Lembaga Rayuan

B. PENCAPAIAN LEMBAGA RAYUAN BAGI TAHUN 2019 DAN 2020

Jadual berikut merupakan pencapaian prestasi yang telah dilaksanakan oleh Lembaga Rayuan bagi tahun 2019 dan 2020.

SENARAI REKOD RAYUAN DARI 01/01/2019 HINGGA 31/12/2020

PBT: Majlis Bandaraya Seberang Perai

Status: Rayuan dalam Proses

SENARAI REKOD RAYUAN DARI 01/01/2019 HINGGA 31/12/2019

Bil	No. RR	Jenis	Tajuk	Pemohon	Tarikh Dibuka	Status
1	LR/SP/5/2019	S.23(1)(a)	Rayuan Terhadap Syarat MPSP melalui Kelulusan Kebenaran Merancang Permohonan kebenaran merancang untuk cadangan skim pembangunan bercampur (Hakmilik Strata) di atas Plot 4 (Fasa 8) sebahagian Lot 282, Mk. 13, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang yang mengandungi:- A) Fasa 1: i) 1 unit pejabat jualan 2 tingkat (sementara 3 tahun) ii) 11 tingkat tempat letak kenderaan termasuk kemudahan masyarakat di paras bumbung dan 20 unit kedai/pejabat iii) Blok A - 295 unit kondominium 34 tingkat termasuk 3 tingkat kemudahan masyarakat B) Fasa 2 : Blok B - 332 unit kondominium 48 tingkat termasuk 3 tingkat kemudahan masyarakat C) Fasa 3 : Blok C - 81 unit pejabat dan 308 bilik hotel 30 tingkat termasuk kemudahan sokongan bagi hotel Untuk Tetuan Aspen Vision City Sdn Bhd (1103837-X)	Tetuan Aspen Vision City Sdn Bhd	24/04/2019	Dibatalkan/ Ditarik Balik

Bil	No. RR	Jenis	Tajuk	Pemohon	Tarikh Dibuka	Status
2	LR/SP/6/2019	S.23(1)(b)	Rayuan Bantahan Terhadap Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Membina 1 Unit Rumah Sesebuah 1 Tingkat Di Atas Lot 10451 (Lot Lama 190), Mukim 4, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang Untuk Tetuan Kayami Sdn. Bhd.	Kulbir Singh a/l Banta Singh	02/05/2019	Rayuan dalam Proses
3	LR/SP/9/2019	S.23(1)(b)	Bantahan Terhadap Mpsp/70/39-22/28b2 (52) Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Mendirikan 18 Unit Teres Tingkat Dan 1 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat Di Atas Lot 165, Seksyen 2, Bandar Butterworth, Spu Untuk Tetuan Airmas Development Sdn. Bhd.	TAN CHEE SIN	19/08/2019	Rayuan dalam Proses
4	LR/SP/11/2019	S.23(1)(b)	Rayuan Bantahan Terhadap Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Tukarguna Bangunan Kediaman (2 Unit Rumah Berkembar 3 Tingkat Sediada) Kepada Pusat Jagaan Ibu Selepas Bersalin Di No. 6 & 8, Medan Kota Permai 6, Taman Kota Permai, Di Atas Lot 31074 & 31075, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah Untuk Tetuan Zuwen Bina Sdn. Bhd.	Lim Chung Ooi	28/11/2019	Rayuan dalam Proses
5	LR/SP/6/2019	S.23(1)(b)	Rayuan Bantahan Terhadap Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Membina 1 Unit Rumah Sesebuah 1 Tingkat Di Atas Lot 10451 (Lot Lama 190), Mukim 4, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang Untuk Tetuan Kayami Sdn. Bhd.	Kulbir Singh a/l Banta Singh	02/05/2019	Rayuan dalam Proses
6	LR/SP/9/2019	S.23(1)(b)	Bantahan Terhadap Mpsp/70/39-22/28b2 (52) Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Mendirikan 18 Unit Teres Tingkat Dan 1 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat Di Atas Lot 165, Seksyen 2, Bandar Butterworth, Spu Untuk Tetuan Airmas Development Sdn. Bhd.	Tan Chee Sin	19/08/2019	Rayuan dalam Proses
7	LR/SP/11/2019	S.23(1)(b)	Rayuan Bantahan Terhadap Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Tukarguna Bangunan Kediaman (2 Unit Rumah Berkembar 3 Tingkat Sediada) Kepada Pusat Jagaan Ibu Selepas Bersalin Di No. 6 & 8, Medan Kota Permai 6, Taman Kota Permai, Di Atas Lot 31074 & 31075, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah Untuk Tetuan Zuwen Bina Sdn. Bhd.	Lim Chung Ooi	28/11/2019	Rayuan dalam Proses

PBT: Majlis Bandaraya Seberang Perai

Status: Rayuan dalam Proses

SENARAI REKOD RAYUAN DARI 01/01/2020 HINGGA 31/12/2020

Bil	No. RR	Jenis	Tajuk	Pemohon	Tarikh Dibuka	Status
1	LR/SP/3/2020	S.23(1)(b)	BANTAHAN TERHADAP PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK CADANGAN SEKIM PERUMAHAN YANG MENGANDUNGI : FASA 1 A. 23 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT B. 301 UNIT RUMAH TERES 1 TINGKAT C. 2 UNIT RUANG PAMERAN 2 TINGKAT D. 104 UNIT RUMAH KOS RENDAH 1 TINGKAT E. 4 UNIT PELBAGAI GUNA 1 TINGKAT (TADIKA/TASKA/PUSAT JAGAAN) F. 1 UNIT DEWAN ORANG RAMAI 1 TINGKAT G. 1 UNIT PENCAWANG ELEKTRIK TNB & 2 UNIT TNB SS COMPACT H. 1 UNIT LOJI RAWATAN KUMBAHAN I. 1 UNIT SURAU FASA 2 A. 49 UNIT KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT B. 1 UNIT PENCAWANG ELEKTRIK TNB C. TAPAK PENJAJA FASA 3 A. 16 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT B. 209 UNIT RUMAH TERES 1 TINGKAT C. 63 UNIT RUMAH KOS RENDAH 1 TINGKAT D. 1 UNIT PENCAWANG ELEKTRIK TNB FASA 4 A. KEMAJUAN MASA HADAPAN (KEDIAMAN) DI ATAS LOT 20084, 20086, SEBAHAGIAN LOT 20085 DAN SEBAHAGIAN LOT 20083 (LOT BARU 21143) MUKIM 12, JALAN KUBANG MENERONG, SEBERANG PERAI UTARA SECARA SERENTAK DENGAN PENYERAHAN BALIK DAN PEMBERIMILIK-AN SEMULA DI BAWAH SEKSYEN 204(D) KTN. (Pelan berlulus bil.(23A)dIm.MBSP/70/39-12/37 bertarikh 07.06.2017 adalah berkaitan). UNTUK TETUAN PAVILION EVERISE SDN. BHD.	MOHD HASBULLAH ALI BIN AHMAD	13/02/2020	Rayuan dalam Proses

Bil	No. RR	Jenis	Tajuk	Pemohon	Tarikh Dibuka	Status
2	LR/SP/4/2020	S.23(1)(b)	BANTAHAN TERHADAP PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK CADANGAN PEMBANGUNAN DI ATAS LOT 31648, JALAN BUKIT MINYAK PERMAI, MUKIM 14, DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH YANG MENGANDUNGI :- A. 1 BLOK TASKA 3 TINGKAT B. 1 BLOK TADIKA 3 TINGKAT C. 1 BLOK PEJABAT PENGURUSAN 4 TINGKAT D. 1 BLOK FASILITI 3 TINGKAT UNTUK TETUAN HIGH 10 KIDS SDN. BHD.	Tan Bok Lim	13/03/2020	Rayuan dalam Proses

LAPORAN PRESTASI UNIT PENDAKWAAN

A. TUGAS-TUGAS UNIT PENDAKWAAN:

Unit ini ditugaskan menguruskan perkara-perkara seperti berikut:

1. Menguatkuasakan undang-undang yang diterimapakai oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai;
2. Menjalankan pendakwaan di Mahkamah;
3. Menyedia dan menyemak izin pendakwaan, pertuduhan dan saman.

B. PENCAPAIAN UNIT PENDAKWAAN BAGI TAHUN 2019 DAN 2020.

Jadual berikut merupakan pencapaian prestasi dan proses kerja yang telah dilaksanakan oleh kakitangan Unit Pendakwaan bagi tahun 2019 dan 2020.

DAFTAR KES LETAK KERETA		
BULAN	2019	2020
JANUARI	2450	500
FEBRUARI	1100	0
MAC	1850	0
APRIL	1400	300
MEI	1193	0
JUN	1100	149
JULAI	943	154

BULAN	2019	2020
OGOS	1436	351
SEPTEMBER	835	549
OKTOBER	550	549
NOVEMBER	840	200
DISEMBER	800	50
JUMLAH	14,497	2,802

DAFTAR KES KERJA TANAH

BULAN	2019	2020
JANUARI	2	2
FEBRUARI	0	3
MAC	2	3
APRIL	0	0
MEI	0	0
JUN	0	0
JULAI	2	0
OGOS	0	1
SEPTEMBER	0	0
OKTOBER	0	2
NOVEMBER	3	3
DISEMBER	0	0
JUMLAH	9	14

DAFTAR KES PELESENAN

BULAN	2019	2020
JANUARI	8	1
FEBRUARI	0	1
MAC	1	0
APRIL	0	0
MEI	0	0
JUN	0	0
JULAI	2	1
OGOS	0	0
SEPTEMBER	0	0
OKTOBER	1	1
NOVEMBER	5	0
DISEMBER	0	0
JUMLAH	17	4

DAFTAR KES TAHUNAN (2019) DI MAHKAMAH MAJISTRET (MUNISIPAL) BUTTERWORTH / BUKIT MERTAJAM & MAHKAMAH MAJISTRET JAWI

JENIS KESALAHAN	DAERAH	2020
(DIREKOTRAT PENGUATKUASAAN) KESALAHAN LETAK KERETA	SPS (BW)	0
	SPS (BM)	14,497
	SPS (JAWI)	0
	JUMLAH	14,497
(DIREKOTRAT PENGUATKUASAAN) TIADA LESEN, TIADA PAPAN IKLAN,	SPS (BW)	7
	SPS (BM)	10
	SPS (JAWI)	5
	JUMLAH	22
(KESIHATAN) TIADA LESEN KACAU GANGGU	SPS (BW)	0
	SPS (BM)	2
	SPS (JAWI)	3
	JUMLAH	5

JENIS KESALAHAN	DAERAH	2020
(KEJURUTERAAN) KERJA TANAH / PAMER IKLAN TANPA LESEN	SPS (BW)	15
	SPS (BM)	4
	SPS (JAWI)	0
	JUMLAH	19
(PELESENAN) TIADA LESEN	SPS (BW)	10
	SPS (BM)	16
	SPS (JAWI)	2
	JUMLAH	28
(LANDSKAP)	SPS (BW)	0
	SPS (BM)	5
	SPS (JAWI)	0
	JUMLAH	5
(BANGUNAN) TUKAR GUNA RUMAH KEDIAMAN	SPS (BW)	0
	SPS (BM)	4
	SPS (JAWI)	0
	JUMLAH	4
(PERANCANG) PEMAJUAN TANPA KEBENARAN	SPS (BW)	4
	SPS (BM)	5
	SPS (JAWI)	0
	JUMLAH	9
JUMLAH KESELURUHAN		14,589

DAFTAR KES TAHUNAN (2020)
DI MAHKAMAH MAJISTRET (MUNISIPAL) BUTTERWORTH / BUKIT MERTAJAM
& MAHKAMAH MAJISTRET JAWI

JENIS KESALAHAN	DAERAH	2020
(DIREKOTRAT PENGUATKUASAAN) KESALAHAN LETAK KERETA	SPS (BW)	12
	SPS (BM)	2790
	SPS (JAWI)	0
	JUMLAH	2802
(DIREKOTRAT PENGUATKUASAAN) TIADA LESEN, TIADA PAPAN IKLAN,	SPS (BW)	3
	SPS (BM)	8
	SPS (JAWI)	1
	JUMLAH	12

JENIS KESALAHAN	DAERAH	2020
(KESIHATAN) TIADA LESEN KACAU GANGGU	SPS (BW)	7
	SPS (BM)	2
	SPS (JAWI)	3
	JUMLAH	13
(KEJURUTERAAN) KERJA TANAH / PAMER IKLAN TANPA LESEN	SPS (BW)	3
	SPS (BM)	7
	SPS (JAWI)	4
	JUMLAH	14
(PELESENAN) TIADA LESEN	SPS (BW)	0
	SPS (BM)	11
	SPS (JAWI)	0
	JUMLAH	11
(LANDSKAP)	SPS (BW)	1
	SPS (BM)	0
	SPS (JAWI)	0
	JUMLAH	1
(BANGUNAN) TUKAR GUNA RUMAH KEDIAMAN	SPS (BW)	1
	SPS (BM)	13
	SPS (JAWI)	0
	JUMLAH	14
(PERANCANG) PEMAJUAN TANPA KEBENARAN	SPS (BW)	11
	SPS (BM)	2
	SPS (JAWI)	0
	JUMLAH	13
JUMLAH KESELURUHAN		2880

LAPORAN PRESTASI UNIT LEMBAGA RAYUAN

PROGRAM / AKTIVITI & ANUGERAH 2020

- A. Antara program dan aktiviti yang dijalankan bersama warga Seberang Perai sepanjang tahun 2020 adalah seperti berikut:-

Bil	PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
1.	"Program Sembang Santai Virtual Seberang Perai" berunsurkan Undang-Undang PBT (Akta 171 serta UUK yang berkaitan dengannya).	1/12/2020	Muat naik video podcast taklimat melalui <i>Facebook</i> MBSP
		6/12/2020	Link capaian soalan kuiz
2.	"Program Sembang Santai Virtual Seberang Perai" berunsurkan Undang-Undang PBT (Akta 172 serta UUK yang berkaitan dengannya).	8/12/2020	Muat naik video podcast taklimat melalui <i>Facebook</i> MBSP
		13/12/2020	Link capaian soalan kuiz
3.	"Program Sembang Santai Virtual Seberang Perai" berunsurkan Undang-Undang PBT (Akta 133 serta UUK yang berkaitan dengannya).	15/12/2020	Muat naik video podcast taklimat melalui <i>Facebook</i> MBSP
		20/12/2020	Link capaian soalan kuiz
4.	Program taklimat (<i>game show</i>) berkaitan perundangan PBT kepada kanak-kanak secara Virtual	15/12/2020	Tadika Aulad Aakif, No. 1 Lorong Sungai Dua Utama 2, Taman Sungai Dua Utama, Butterworth
5.	Program taklimat (<i>game show</i>) berkaitan perundangan PBT kepada kanak-kanak secara Virtual	17/12/2020	Tadika Khalifah Intelek, Taman Bertam Putra, Kepala Batas
6.	Program taklimat (<i>game show</i>) berkaitan perundangan PBT kepada kanak-kanak secara Virtual	17/12/2020	Tadika Khalifah Intelek, Taman Bertam Putra, Kepala Batas
7.	Program taklimat (<i>game show</i>) berkaitan perundangan PBT kepada kanak-kanak secara Virtual	17/12/2020	Tadika Khalifah Genius Intelek Taman Bertam Perdana, Kepala Batas
8.	Program taklimat (<i>game show</i>) berkaitan perundangan PBT kepada kanak-kanak secara Virtual	23/12/2020	Tadika Khalifah Intelek, Taman Sungai Dua Utama, Kepala Batas

B. Antara anugerah / pencapaian yang diperolehi dalam tahun 2020 adalah seperti berikut:-

Bil	PROGRAM / AKTIVITI	SIJIL / ANUGERAH
1.	Mencapai 5 Bintang di dalam Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti / <i>Accountability Index</i> (AI) secara <i>Self Auditing</i> bagi tahun 2020	SIJIL PENCAPAIAN
2.	Pertandingan Projek / Program Sempena Hari Audit Peringkat Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan usaha yang berterusan bagi memastikan pematuhan kepada Undang-Undang dan lain-lain peraturan yang diguna pakai oleh MBSP	TEMPAT PERTAMA

RUMUSAN

Prestasi dan proses kerja di Jabatan Undang-Undang sepanjang tahun 2020 adalah memuaskan dan berjalan lancar. Dengan wujudnya program transformasi MBSP, sikap dan perubahan positif pemikiran kakitangan secara radikal dalam Jabatan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik telah diadaptasikan. Secara tidak langsung Jabatan telah berjaya mencapai objektif dan matlamat Jabatan dalam melaksanakan usaha untuk meningkatkan maklumat perpustakaan ilmu masing-masing mengenai perundangan yang dikuatkuasakan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Antara langkah agresif yang telah dijalankan oleh Jabatan Undang-Undang seiring dengan pelaksanaan program transformasi MBSP adalah melalui kursus dan sesi pemahaman undang-undang yang lebih mantap kepada kakitangan MBSP khususnya kepada kakitangan yang melaksanakan tindakan penguatkuasaan bagi memastikan tindakan penguatkuasaan dapat dijalankan dengan adil, jujur dan teratur serta mematuhi kehendak undang-undang yang berkuatkuasa iaitu selari dengan Akta PBT yang digunapakai.


Selain itu, hasil daripada program percambahan fikiran dan sesi pemahaman undang-undang yang diadakan berkenaan Akta PBT bersama warga kerja MBSP telah menampakkan kepekaan warga Seberang Perai terhadap pematuhan undang-undang telah meningkat. Fenomena di atas berlaku kerana masyarakat telah memberi sambutan yang positif kepada penguatkuasaan undang-undang MBSP.

Kesimpulannya kedaulatan undang-undang telah berlaku di seluruh kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai.



JABATAN PERBENDAHARAAN

CARTA ORGANISASI JABATAN PERBENDAHARAAN



PRESTASI KEWANGAN MBSP BAGI TAHUN 2020

RINGKASAN UMUM

Pada tahun 2020, Majlis telah mencatat kurangan sebanyak RM24.76 juta, berbanding dengan kurangan sebanyak RM0.91 juta pada tahun 2019. Perbezaan sebanyak RM23.85 juta ini disebabkan penurunan dalam pendapatan berserta dengan peningkatan dalam perbelanjaan Majlis seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Perbandingan Prestasi Kewangan bagi tahun 2020 dan 2019

KETERANGAN	2020 RM JUTA	2019 RM JUTA	PERBEZAAN RM JUTA
PENDAPATAN	258.47	277.56	(19.09)
PERBELANJAAN	283.23	278.47	4.76
LEBIHAN / (KURANGAN)	(24.76)	(0.91)	(23.85)

Antara faktor-faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan kurangan ini termasuk:

- Penurunan dalam hasil bukan cukai seperti sumbangan untuk peningkatan nilai tanah bagi kelulusan perlingkungan semula, caj pemajuan penambahan nisbah plot pembangunan kebenaran merancang, bayaran pelan bangunan dan bayaran letak kereta lanjutan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.
- Penurunan dalam faedah dan perolehan dari pelaburan lanjutan daripada penurunan yang berturut-turut dalam kadar OPR iaitu dari 2.75% pada Januari 2020 ke 1.75% pada Julai 2020, dan juga pengurangan dalam aliran tunai lanjutan daripada penurunan dalam kutipan hasil selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.
- Penurunan dalam sewaan untuk gerai pasar awam dan kompleks makanan lanjutan daripada pengecualian sewa satu bulan iaitu bulan April 2020 untuk premis perniagaan Majlis, di bawah Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang semasa pandemik Covid-19 mula berleluasa.
- Penurunan dalam kutipan untuk kompaun letak kereta lanjutan daripada penstrukturan semula kakitangan penguatkuasa untuk bertugas di pasar-pasar awam dalam Ops Covid-19.
- Peningkatan dalam perbelanjaan Klinik Panel lanjutan daripada penambahbaikan kepada kemudahan klinik panel Majlis yang merangkumi peningkatan kadar perbelanjaan klinik panel untuk kakitangan dan ahli majlis, perluasan kemudahan klinik panel kepada ibu bapa kakitangan, perkhidmatan pembelian cermin mata, serta perkhidmatan perubatan di klinik pakar kanak-kanak.

RINGKASAN PENDAPATAN

Hasil cukai merupakan komponen hasil utama di Majlis. Pada tahun kewangan 2020, hasil cukai meliputi 74% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Majlis. Manakala 20% dan 6% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Majlis terdiri daripada hasil bukan cukai dan terimaan buhai hasil, seperti di **Carta 1**.

CARTA 1: KOMPONEN PENDAPATAN BAGI TAHUN 2020



Pada keseluruhannya, pendapatan Majlis menurun sebanyak 6.88% kepada RM258.47 juta pada tahun 2020 jika dibandingkan dengan tahun 2019 yang berjumlah RM277.56 juta iaitu perbezaan sebanyak RM19.09 juta.

RINGKASAN PERBELANJAAN

Komponen-komponen perbelanjaan Majlis adalah seperti di Carta 2

CARTA 2: KOMPONEN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2020



Secara keseluruhannya, perbelanjaan Majlis meningkat sebanyak 1.71% pada tahun 2020 berbanding dengan tahun 2019 iaitu dari RM278.47 juta kepada RM283.23 juta dengan perbezaan sebanyak RM4.76 juta.

PERBANDINGAN PERBELANJAAN

Perbandingan perbelanjaan bagi tahun 2020 dan tahun 2019 adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2: Perbandingan Perbelanjaan Bagi Tahun 2020 dan 2019

PERBELANJAAN MENGIKUT ITEM	2020 RM JUTA	2019 RM JUTA
EMOLUMEN (TETAP, KONTRAK & SAMBILAN)	167.27	155.92
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	82.60	87.82
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP	3.30	4.20
PERBELANJAAN HARTA MODAL	1.73	1.48
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	3.66	3.64
PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN	24.67	25.41
JUMLAH	283.23	278.47


Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan bagi tahun 2020 telah meningkat berbanding dengan tahun 2019. Dua (2) komponen utama dalam perbelanjaan Majlis adalah emolumen serta perkhidmatan dan bekalan. Kenaikan dalam emolumen merupakan kenaikan tahunan dan perbelanjaan lain Majlis bagi tahun 2020 secara puratanya tidak berbeza secara material.

PERBANDINGAN ASET DAN LIABILITI

Perbandingan Aset dan Liabiliti bagi tahun 2020 dan 2019 adalah seperti di **Jadual 3**. Nisbah Kecairan semasa menunjukkan MPSP mempunyai keupayaan untuk menyelesaikan tanggungan pada nisbah 1.15 : 1 pada tahun 2020.

PERKARA	2020 RM JUTA	2019 RM JUTA
ASET BUKAN SEMASA	836.65	912.99
ASET SEMASA	125.61	135.37
JUMLAH ASET	962.26	1048.36
LIABILITI JANGKA PANJANG	38.65	37.56
LIABILITI SEMASA	109.40	102.54
JUMLAH LIABILITI	148.05	140.10
ASET BERSIH	814.20	908.26

TUNGGAKAN TERKUMPUL CUKAI TAKSIRAN



Carta 3 menunjukkan bahawa tunggakan terkumpul cukai taksiran bagi tahun 2020 telah meningkat 15.71% iaitu RM4.81 juta jika dibandingkan dengan tahun 2019. Peningkatan ini disebabkan oleh tunggakan kompleks-kompleks yang bermasalah. Bagi memastikan tunggakan cukai taksiran ini dapat diperolehi, Jabatan Perbendaharaan telah melaksanakan aktiviti penguatkuasaan dari semasa ke semasa.

PROMOSI CUKAI PINTU DAN CABUTAN BERTUAH MBSP

Promosi cukai pintu dan cabutan bertuah adalah salah satu strategi MBSP untuk meningkatkan kutipan cukai pintu dan menggalakkan pemilik harta untuk membayar cukai pintu dengan lebih awal. **Jadual 4** menunjukkan jumlah kutipan daripada promosi cukai pintu dari tahun 2016 hingga 2020.

Jadual 4: Promosi Cukai Pintu dan Cabutan Bertuah dari tahun 2016 hingga 2020

PERKARA	PROMOSI 2016	PROMOSI 2017	PROMOSI 2018	PROMOSI 2019	PROMOSI 2020
Bilangan Transaksi	137,405	135,190	129,620	167,370	188,822
Jumlah Kutipan	RM80.75 juta	RM77.13 juta	RM74.86 juta	RM87.13 juta	RM95.41 juta

PROMOSI HEBAT CABUTAN BERTUAH CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2020

Promosi Hebat Cabutan Bertuah Cukai Taksiran tahun 2020 bermula pada 1 Disember 2019 dan tamat pada 29 Februari 2020.

Bagi promosi cabutan bertuah tahun 2020, MBSP telah menyediakan sebanyak empat puluh (40) hadiah bagi kategori A iaitu bayaran secara online / agen kutipan / kiosk manakala lima (5) hadiah bagi kategori B iaitu bayaran dikaunter MBSP. MBSP juga telah menyediakan 4,000 unit cenderamata kepada pembayar cukai yang terawal menjelaskan bil cukai taksiran setahun termasuk tunggakan jika ada dan layak menyertai cabutan bertuah.

Majlis Cabutan Pemenang Promosi Hebat Cabutan Bertuah Cukai Taksiran MBSP 2020 telah diadakan pada 19 Mei 2020 di Dewan Kenanga Menara Bandaraya.



Promosi Cukai Taksiran Penggal Kedua Tahun 2020 bermula pada 1 Julai 2020 dan tamat pada 31 Ogos 2020. Promosi ini diadakan istimewa kepada seluruh pemilik premis di Seberang Perai sebagai insentif dan galakan supaya membayar cukai taksiran serta menjelaskan tunggakan dengan kadar segera khusus kepada pemilik yang membuat pembayaran secara online, melalui agensi yang dilantik serta kiosk *Paylink Global*.

Lima hadiah cabutan bertuah yang lumayan dalam bentuk wang tunai telah disediakan bagi promosi cukai taksiran penggal kedua tahun 2020. Majlis Cabutan Pemenang Promosi Cukai Taksiran MBSP Penggal Kedua Tahun 2020 telah diadakan pada 28 September 2020 bertempat di Dewan Kenanga, Menara Bandaraya, MBSP.

SESI “TOWN HALL” DIALOG BAJET MBSP 2020

Setiap tahun, MBSP mengadakan Sesi “Town Hall” Dialog Bajet dan menjalankan soal selidik bajet bagi melibatkan komuniti dalam perancangan bajet tahunan. Pada tahun 2020, MBSP tidak dapat mengadakan sesi town hall secara fizikal disebabkan pandemik Covid-19. Dengan itu, MBSP telah mengadakan sesi *town hall* secara *online* atau *live* bersama rakyat Seberang Perai. Soal selidik bajet 2021 disediakan secara *online* di laman web MBSP iaitu www.mbsp.gov.my mulai 19 April hingga 30 Jun 2020. Soal selidik ini disediakan berdasarkan Pelan Strategik 2018 hingga 2022 dan hala tuju strategik yang dikeluarkan pada tahun 2020.

Impak / kesan Sesi “Town Hall” – Pelancaran Soal Selidik Bajet 2021 Secara “Live” adalah: -

- Perancangan/penyediaan bajet dibuat secara menyeluruh di semua peringkat akar umbi;
- Hasil soal selidik akan digunakan sebagai input kepada perancangan bajet tahun 2021 ke atas perkhidmatan yang perlu ditambahbaik dan diberi keutamaan oleh MBSP; dan
- Hasil soal selidik ini juga akan memastikan arah dan hala tuju perancangan MBSP untuk mencapai matlamat sebagai bandaraya rendah karbon dan bandaraya pintar menjelang tahun 2022 dapat direalisasikan.

SESI TOWN HALL
PELANCARAN SOAL SELIDIK
BAJET 2021 **LIVE**
SECARA SIARAN LANGSUNG DI FACEBOOK MBSP

DILANCARKAN OLEH
YBHG. DATO' Sr HJ ROZALI BIN HJ MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

19 APRIL 2020 (AHAD) | 11.00 PAGI
MENARA BANDARAYA MBSP

LIVE

Powered By Team Media MBSP



JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

LAPORAN TAHUNAN 2020

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja penilaian untuk maksud cukai taksiran di Seluruh Seberang Perai bagi memperkasakan keupayaan kewangan MBSP dan seterusnya membolehkan penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih berkualiti kepada warga Seberang Perai dan pelabur. Selain itu, jabatan ini juga menguruskan harta-harta komersial milik MBSP dan bertindak menjana hasil-hasil melalui kutipan sewa, penjualan harta-harta tak alih dan meneroka sumber-sumber hasil baru.

FUNGSI-FUNGSI JABATAN

Membuat penilaian bagi menentukan Nilai Tahunan ke atas pegangan-pegangan yang boleh dikenakan kadar di seluruh Seberang Perai.

Membuat kerja-kerja penilaian semula ke atas pegangan-pegangan yang boleh dikenakan kadar di seluruh Seberang Perai setiap lima (5) tahun sekali.

Melaksanakan kerja-kerja penilaian bagi maksud Sumbangan Membantu Kadar dibuat ke atas pegangan-pegangan yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-Badan Berkanun.

Menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan seperti berikut:

- a. Memproses permohonan penukaran nama pembayar cukai
- b. Mengemaskini senarai nilai dan rekod maklumat harta berkadar

Mengurus dan menyelenggarakan harta-harta Majlis yang berada dibawah tanggungjawab Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta termasuk Rumah Pangsa PPR Ampangan, Ampang Jajar.

Membuat penilaian untuk maksud menentukan kadar sewa pasaran harta-harta Majlis.


Mengurus Inventori harta-harta Majlis serta membuat penilaian untuk maksud insuran ke atas bangunan-bangunan yang dibina atau diuruskan oleh Majlis.

Membuat penilaian untuk menentukan nilai pasaran bagi tujuan pengambilan balik tanah dan penilaian nilai modal harta untuk tujuan pembelian dan pelupusan harta Majlis.

Membuat penilaian bagi maksud pelingkungan semula dan sumbangan menggantikan penyerahan harta-harta awam.

CARTA ORGANISASI

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA



PENILAIAN BAGI MAKSUD KADARAN

HASIL BANGUNAN

i) Taksiran Baru

Pada tahun 2020 sebanyak 3,663 bangunan baru telah ditaksir dengan nilai cukai tahunan ialah RM 28,358,635 dan cukai sebanyak RM2,188,269.



ii) Taksiran Semula (Pindaan dan Tambahan)

Taksiran semula harta di seluruh Seberang Perai pada tahun 2020 adalah sebanyak 393 bangunan yang telah ditaksir semula apabila terdapat pindaan dan tambahan ke atas bangunan sediaada. Nilai Tahunan yang telah diterima adalah sebanyak RM2,083,270 dan cukai taksiran sebanyak RM231,710



HASIL TANAH

i) Taksiran Baru

Pada tahun 2020 sebanyak 38 lot tanah kosong telah ditaksir dengan Nilai Tahunan RM8,699,045 dan cukai sebanyak RM269,670.

HARTA BERKADAR DI SEBERANG PERAI

JENIS HARTA	BIL. HARTA	NILAI CUKAI (RM)
Skim Kediaman	218,888	63,403,770
Industri	6,364	83,810,083
Perdagangan	32,939	58,916,059
Kampung	53,246	230,788
Tanah	20,786	9,799,348

Jadual 1.1: Bilangan Harta Berkadar mengikut jenis-jenis harta. Jumlah hasil cukai yang diperolehi sepanjang tempoh tahun 2020 adalah sebanyak RM216,160,048



SUMBANGAN MEMBANTU KADAR

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta juga bertanggungjawab untuk menentukan caruman yang perlu dibayar bagi semua harta-harta kerajaan Persekutuan, kerajaan Negeri dan Badan-badan berkanun bagi maksud Sumbangan Membantu Kadar (SMK).

AGENSI	BIL HARTA	SUMBANGAN YANG PERLU DIBAYAR (RM)
KERAJAAN PERSEKUTUAN	3,742	2,699,665.50
KERAJAAN NEGERI	497	193,327.77
KEMENTERIAN PERTAHANAN	898	970,416.31
BADAN BERKANUN		
FAMA	9	37,107.45
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA	1	7,346.55
LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG	35	27,478.80
MARDI	1	494.40
JABATAN BEKALAN AIR P.PINANG	1	123,453.00
PERDA	19	2,849.85
NAFAS	1	41,989.50
RISDA	3	4,150.65
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI	1	52,902.90
SPPP	7	4,074,626.85
KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD (KTMB)	262	155,510.00
Jumlah	5,477	8,291,319.53

Jadual 1.2: Sumbangan Membantu Kadar (SMK) bagi harta yang melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-Badan Berkanun



RAYUAN CUKAI TAKSIRAN 2020

Berdasarkan kepada Akta Kerajaan Tempatan 171 (1976), Seksyen 142 telah memperuntukan bahawa pemilik bangunan boleh membuat bantahan ke atas Senarai Nilai baru yang dikenakan. Berikut adalah bilangan bantahan yang diterima daripada pembayar cukai terhadap cadangan nilai tahunan pada tahun 2020 seperti di jadual 1.3

Daerah	Mesyuarat Rayuan Cukai	Bilangan Bantahan	
		Bangunan	Tanah
SP UTARA	4	940	7
SP TENGAH	4	227	2
SP SELATAN	4	121	2
Jumlah	12	1,288	11



Gambar 1.1 menunjukkan Jenis Skim Pembangunan yang dibuat Nilain Kadaran.



Gambar 1.2 Mesyuarat Rayuan Cukai Selatan

TUKAR NAMA PEMILIK


Tukar Nama Pemilik Harta Berkadar telah diperuntukan dibawah Seksyen 160 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Penukaran nama kepada pemilik harta yang baru perlu dibuat untuk membolehkan bil cukai taksiran disampaikan kepada pihak yang sebenarnya memiliki harta tersebut selain itu untuk tujuan penghantaran notis, carian dan sebagainya.

Graf 1.1 : Tukar Nama Pemilik yang memohon dan diluluskan mengikut daerah pada tahun 2020.



Graf 1.1 : Menunjukkan bilangan permohonan tukar nama yang lulus mengikut daerah pada tahun 2020

Tukar Nama Pemilik diproses untuk permohonan yang melibatkan bangunan dan tanah bagi seluruh Seberang Perai. Kelulusan sesuatu permohonan bergantung kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan kepada pemohon. Kegagalan memenuhi syarat menyebabkan permohonan tidak dapat diluluskan dan perlu membuat permohonan semula.



Graf 1.2 : Bilangan permohonan penukaran nama pemilik harta di Seberang Perai mengikut daerah. Jumlah bilangan yang tertinggi adalah bagi daerah Seberang Perai Tengah.

HARTA MAJLIS

Skop Kerja Bahagian Pengurusan Harta Majlis meliputi pengurusan harta-harta komersil milik MBSP dan Pengurusan Rumah Pangsa PPR Ampangan, Ampang Jajar Seberang Perai Tengah (SPT).



Gambar 1.3: Bangunan milik Majlis disewakan di Jalan Mohd Saad, Butterworth, SPU




Gambar 1.4: Tempoh Hak Pengurusan Sebahagian Tapak Tempat Letak Kereta Milik MBSP Di Atas Sebahagian Lot 10217, Mukim 10, Taman Lembah Permai, SPT Untuk Penempatan Operasi Persatuan Bomba Sukarela, Kota Permai, Bukit Mertajam



Gambar 1.5: Sebahagian pondok bas-pondok bas yang disewakan untuk tujuan pengiklanan di sekitar Seberang Perai.



Gambar 1.6: Sebahagian pondok bas-pondok bas yang disewakan untuk tujuan pengiklanan di sekitar Seberang Perai.



Gambar 1.7: Menyewa Tempat Letak Lori milik MBSP di atas PT2828, Mukim 14, Kawasan Industri Ringan Permatang Tinggi, SPT

HASIL HARTA MAJLIS

Jumlah kutipan hasil sewaan tanah dan bangunan milik Majlis untuk tahun 2020 ialah sebanyak RM3,760,766. Sewaan harta-harta Majlis melibatkan sewaan bangunan dan tanah serta pondok bas- pondok bas di Seberang Perai. Terdapat juga unit-unit apartment milik Majlis yang berada di Damansara dan Casa Subang, Selangor dan kini sedang disewakan.

PENYEWAAN PUSAT KITAR SEMULA ATAU PUSAT KOMPOS

MBSP juga memberi kemudahan sewaan depo sampah dan bekas tapak tangki najis untuk tujuan pusat kitar semula dan pusat kompos. Semua permohonan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Berikut adalah senarai tapak depo sampah dan tapak penjaja yang sedang disewakan.

Jadual 1.4 : Senarai Depo Sampah dan Tapak Penjaja serta Tempat Letak Kereta MBSP yang telah disewakan 2020.

SENARAI TELAH DISEWAKAN							
Bil	No. Lot	Mukim	Daerah	Nama Taman/Lokasi	Keluasan Tanah (kp)	Jenis Tapak	Cukai Tanah (RM)
1.	PT1638	6	SPT	TAMAN PAUH DAMAI	3,405.5	Depo Sampah	70
2.	6023	15	SPS	BANDAR TASEK MUTIARA	4,133	Depo Sampah	85
3.	14737	14	SPT	TAMAN PERWIRA INDAH	7,330	Tapak Penjaja	736
4.	14738	14	SPT	TAMAN PERWIRA INDAH	4,510	Tempat Letak Kereta	453
5.	20024	15	SPT	TAMAN SEJAHTERA ALMA	2,906	Depo Sampah	60
6.	1697	3	SPT	TAMAN ARA INDAH	1,645	Depo Sampah	40
7.	3478	14	SPU	TAMAN PANDAN INDAH	5,381	Tapak Penjaja	540



Gambar 1.8: Lokasi tapak Depo Sampah MBSP (Lot 20024, Mukim 15, SPT)



Gambar 1.9: Lokasi tapak Depo Sampah MBSP (Lot 6023, Mukim 15, SP5)

PENGURUSAN RUMAH PANGSA PPR, AMPANGAN JAJAR, SPT

Latar Belakang


Projek Perumahan Rakyat (PPR) Ampangan merupakan projek perumahan yang dilaksanakan bagi tujuan membantu golongan yang berpendapatan rendah dengan jumlah isirumah kadar antara RM750.00 hingga RM1,500.00 sebulan.

Pangsa PPR Ampangan dibina di atas tanah MBSP iaitu di atas sebahagian Lot 972, Bandar Perai dan Lot 1346, Mukim 2, Seberang Perai Tengah. Ia mula beroperasi dan dibuka untuk sewaan pada 1 Jun 2006. Ia mempunyai 10 tingkat yang terdiri daripada 250 unit kediaman, 2 buah kiosk perniagaan, sebuah bilik pengurusan, sebuah dewan orang ramai dan sebuah surau.




Pengurusan dan Penyelenggaraan

MBSP telah melantik Tetuan Mutiara Properties sebagai ejen pengurusan yang bertanggungjawab untuk mengurus dan menyelenggara bangunan PPR ini. Skop kerja ejen pengurusan tersebut adalah untuk menguruskan pentadbiran bangunan, menguruskan kutipan sewa, penyelenggaraan lif, pembaikan/handyman, penyelenggaraan elektrik/chargeman, kawalan serangga, kawalan keselamatan, pencegahan kebakaran dan pembaikan kerosakan kecil. Manakala bagi kerja-kerja pembersihan dan lanskap adalah dilaksanakan oleh Persatuan Penduduk PPR Ampangan. Perincian kontrak bagi kerja-kerja pengurusan dan penyelenggaraan bangunan PPR ini adalah seperti rajah di bawah.



Graf 1.3: Peratusan Penyewa Rumah Pangsa PPR Tahun 2020



Rajah 1.1: Perincian Kontrak Pengurusan dan Penyelenggaraan Pangsa PPR Ampangan, SPT

Kerja Pembersihan dan Lanskap

Kerja pembersihan merupakan sebahagian kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan oleh pihak pengurusan Tetuan Mutiara Properties di Pangsa PPR, Ampangan, SPT. Jadual 1 di bawah menunjukkan jadual kerja-kerja pembersihan untuk keseluruhan Pangsa PPR Ampangan, SPT.

KEKERAPAN	HARIAN					MINGGUAN						BULANAN
KAWASAN AKTIVITI	TINGKAT BAWAH	TEMPAT LETAK KERETA	TANGGA & KORIDOR (SETIAP TINGKAT)	AIR WELL	LIF	PUSAT PUNGUTAN SAMPAH	BILIK SUIS UTAMA	BILIK PAM	BILIK GEN SET	SILING TINGKAT BAWAH & TINGKAT 9	DEWAN	KORIDOR (SETIAP TINGKAT)
SAPU	LANTAI	LANTAI	LANTAI	-	LANTAI	LANTAI	LANTAI	LANTAI	LANTAI	-	LANTAI	-
CUCI	LONGKANG	LONGKANG	-	LANTAI	SILING	TONG (AIR + BAHAN KIMIA)	-	-	-	SILING	SILING	SILING
LAP	PETI SURAT	-	RAILINGS	-	-	-	PERALATAN (DENGAN PENGAWASAN PENYELIA)	PERALATAN (DENGAN PENGAWASAN PENYELIA)	PERALATAN (DENGAN PENGAWASAN PENYELIA)	-	-	-
MASA	8-9 PG (4-5 PTG flexi)	9-10.30 PG	10.30PG - 1.00 PTG	2-3.30 PTG	3.30 - 4 PTG	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	MINGGU PERTAMA

Jadual 1.5: Jadual Kerja-kerja Pembersihan Pangsa PPR Ampangan, SPT yang dikendalikan oleh Persatuan Penduduk

KEKERAPAN AKTIVITI	HARIAN	MINGGUAN (2 MINGGU SEKALI)	BULANAN
	POKOK-POKOK DAN KAWASAN PADANG	POKOK-POKOK DAN KAWASAN PADANG	POKOK-POKOK DAN KAWASAN PADANG
	SAPU	MEMANGKAS POKOK	MEMBAJA
	SIRAM	POTONG RUMPUT	MENYEMBUR RACUN SERANGGA
MASA	8-10 PG	RABU	MINGGU PERTAMA

Jadual 1.6: Jadual penyelenggaraan Lanskap di Pangsa PPR Ampangan, SPT.

Penyelenggaraan lanskap juga dijalankan dengan berpandukan jadual yang telah disediakan oleh pihak pengurusan. Antara kerja penyelenggaraan lanskap dijalankan ialah seperti berikut:-

- Menyiram pokok dan rumput padang.
- Membuang tumbuhan mimosa, cendawan dan kulat
- Menyembur racun serangga dan racun kulat.



Gambar 1.10 Kerja Pembersihan dan Kawalan Keselamatan



Gambar 1.11 Kerja Pembaikan kecil dan penyelenggaraan lif

PROJEK DAN AKTIVITI JABATAN PENILAIAN 2020

PROJEK 2: PENILAIAN SEMULA 2020

Akta Kerajaan Tempatan 1976 Seksyen 137 (3) telah memperuntukkan keperluan bagi Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyediakan dan menyiapkan Senarai Nilai baru tiap – tiap lima (5) tahun atau dalam tempoh yang dilanjutkan sebagaimana ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Sehubungan itu, dengan kelulusan Kerajaan Negeri, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MBSP telah melaksanakan projek Penilaian Semula 2020 bagi menyediakan Senarai Nilai Baru untuk dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2020.

Selepas menerima Notis Kadaran yang memaklumkan Nilai Tahunan dan kadar baru, setiap pemilik harta yang tidak berpuas hati dengan Nilai Tahunan baru telah diberi peluang untuk membuat bantahan secara bertulis kepada MBSP melalui tiga (3) kaedah iaitu bantahan secara web (online), emel dan juga surat bantahan yang dihantar terus kepada Majlis dalam tempoh masa 32 hari bermula daripada tarikh pengeluaran Notis Kadaran sehinggalah 14 Oktober 2019.

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta telah membuka kaunter pertanyaan khas Senarai Nilai baru 2020 di kompleks - kompleks perniagaan yang terletak di setiap daerah Seberang Perai. Pembukaan kaunter pertanyaan khas ini adalah bertujuan untuk memberi pencerahan ke atas kekeliruan yang dihadapi oleh pemilik harta setelah menerima Notis Kadaran disamping penerangan awal mengenai proses bantahan.



Gambar 1.12: Kunjungan YBhg Dato' Sr Hj Rozali Bin Hj Mohamud dan Datin Hajah Cik Limah Binti Hj Ujang ke Kaunter Pertanyaan Khas Senarai Nilai Baru 2020 di Mydin Mall, Bukit Mertajam.



Gambar 1.13: Kaunter Pertanyaan Khas Senarai Nilai Baru 2020 di Karnival Jom Heboh, Batu Kawan



Gambar 1.14:

1. Kaunter Pertanyaan Khas Senarai Nilai Baru 2020 di Sunway Carnival Mall
2. Kaunter Pertanyaan Khas Senarai Nilai Baru 2020 di Mydin Mall, Bertam
3. Kaunter Pertanyaan Khas Senarai Nilai Baru 2020 di Mydin Mall, Bukit Mertajam

Selaras dengan peruntukan perundangan Seksyen 142 (2) Akta 171, segala bantahan hendaklah disiasat dan mereka yang membuatnya hendaklah diberi peluang untuk didengar dalam penyiasatan itu. Sehubungan itu, Datuk Bandar di bawah kuasa-kuasa yang diberi di bawah Seksyen 28 Akta Kerajaan Tempatan 1976 telah menubuhkan enam (6) dan lima (5) Jawatankuasa Bantahan Cukai masing-masing pada tahun 2019 dan 2020 untuk mendengar dan menyiasat bantahan cukai yang diterima daripada pemilik pegangan.

Jawatankuasa ini telah memulakan siasatan dan pendengaran bantahan cukai sejak 29 Oktober 2019 hingga 13 Februari 2020 di enam (6) lokasi pada tahun 2019 dan lima (5) lokasi berbeza pada tahun 2020 mengikut daerah. Sebanyak 87 Mesyuarat Bantahan Cukai telah diadakan di seluruh Seberang Perai yang melibatkan sebanyak 40,666 kes telah dipanggil untuk didengari.



Gambar 1.15: Jawatankuasa Bantahan Cukai Taksiran SPU (Kompleks Sukan Bertam) bersama Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta dan urusetia mesyuarat.



Gambar 1.16: Jawatankuasa Bantahan Cukai Taksiran SPT (Jalan Betek) sedang bersidang bagi mendengar dan menyiasat bantahan Cukai Taksiran yang telah dikemukakan.



Gambar 1.17: Jawatankuasa Bantahan Cukai Taksiran SPS (Pej Cawangan Jawi) sedang bersidang bagi mendengar dan menyiasat bantahan Cukai Taksiran yang telah dikemukakan.



Gambar 1.18: Jawatankuasa Bantahan Cukai Taksiran SPS (Dewan Serbaguna Jawi) bersama urusetia mesyuarat.



Gambar 1.19(1): Jawatankuasa Bantahan Cukai Taksiran SPU (Dewan Sg.Dua) sedang bersidang bagi mendengar dan menyiasat bantahan Cukai Taksiran yang telah dikemukakan.

Gambar 1.20(2): Jawatankuasa Bantahan Cukai Taksiran SPS (Dewan Serbaguna Jawi) sedang bersidang bagi mendengar dan menyiasat bantahan Cukai Taksiran yang telah dikemukakan.



PROJEK 2: PENGELUARAN PATIL TAKSIRAN SAHAJA (TS) BAGI RUMAH KAMPUNG

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta telah menyediakan urusan permohonan untuk mendapatkan nombor rumah atau nombor patil bagi rumah kampung yang tiada kelulusan pelan bangunan atau Sijil Layak Menduduki (OC) atau Borang F Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) di seluruh Seberang Perai.


Pengeluaran Patil Taksiran Sahaja bermula pada 16 September 2019 hingga 31 Disember 2020. Walau bagaimanapun sekitar bulan September 2020, pihak pengurusan MBPSP telah memberikan pelanjutan permohonan Pengeluaran Patil Taksiran Sahaja bermula 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021 dengan mengekalkan syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti di Rajah 1.2.

Dalam usaha untuk menguar-uarkan dan memaklumkan kepada orang awam tentang pengeluaran Nombor Patil Taksiran Sahaja (TS) kepada rumah-rumah kediaman kampung di seluruh Seberang Perai, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta telah melaksanakan promosi melalui aktiviti-aktiviti berserta program seperti edaran risalah Pengeluaran Nombor Patil Taksiran Sahaja (TS), program mesra pelanggan, promosi melalui sosial media dan laman web rasmi MBSP.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PATIL TAKSIRAN SAHAJA

Patil TS diberikan kepada rumah-rumah kampung di kawasan luar Bandar sahaja dalam sempadan kawasan Bandar Butterworth, Bukit Mertajam, Nibong Tebal dan kawasan industri tidak diberikan;	Patil TS diberikan kepada rumah-rumah kampung dengan keluasan bangunan kurang atau sama 2,000 kp;	Pemilik hendaklah mengisi Borang Akujanji yang disediakan oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta;	Pemilik hendaklah mengemukakan lakaran pelan bangunan (bukan pelan arkitek) semasa membuat permohonan;	Bayaran pemprosesan dikenakan sebanyak RM50 bagi setiap permohonan;	Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan ke Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta untuk pertimbangan dan perakuan kelulusan pengeluaran patil TS.
---	---	--	--	---	---

Rajah 1.2: Syarat-syarat yang telah disediakan untuk permohonan Pengeluaran Patil Taksiran Sahaja di Seberang Perai.



Graf 1.4: Bilangan permohonan lulus nombor Patil Taksiran Sahaja di Seberang Perai bagi tahun 2020.

Sepanjang tahun 2020, Pengeluaran Patil Taksiran Sahaja yang dipohon dan lulus di Seberang Perai adalah berjumlah 1,830. Usaha mempromosi dan menguar-uarkan diteruskan bagi memberi peluang kepada penduduk untuk memohon kemudahan yang disediakan ini.

PENUTUP

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta memainkan peranan penting dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan Majlis. Jabatan ini sentiasa komited untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan ke arah mencapai visi dan misi MBSP berlandaskan hasrat MBSP, Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan.



JABATAN PERANCANG BANDAR

LAPORAN TAHUNAN 2020 JABATAN PERANCANG BANDAR

1.0 PENGENALAN

Jabatan ini memainkan peranan penting di dalam mengawal pembangunan melalui penguatkuasaan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976, Akta 172 termasuk Pindaan 1995 (Akta A993), 2001 (Akta A1129) dan 2007 (Akta A1313) bagi memastikan corak pembangunan adalah bersesuaian dan selaras dengan corak pembangunan yang telah ditetapkan di samping menghalang pembangunan yang bertentangan dengan perancangan di sesuatu kawasan tersebut.



2.0 VISI JABATAN

Mewujudkan pembangunan yang seimbang dan berdaya maju melalui perancangan yang komprehensif

3.0 MISI JABATAN

Memastikan perancangan yang seimbang melalui pembangunan mampan, mesra alam, beridentiti dan menarik selaras dengan kehendak Akta.

4.0 FUNGSI JABATAN

Fungsi Jabatan Perancang Bandar adalah seperti berikut :

- i. Merancang dan mengawal pembangunan di Seluruh Seberang Perai selaras dengan Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan Daerah.
- ii. Menjalankan penguatkuasaan berdasarkan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).
- iii. Mengurus penyediaan Rancangan Pemajuan.
- iv. Memberi nasihat berkaitan bidang perancangan kepada orang awam dan agensi-agensi yang berkaitan.

5.0 ORGANISASI JABATAN

Untuk merealisasikan fungsi-fungsi dengan berkesan, organisasi Jabatan ini terbahagi kepada 3 bahagian dan 1 unit iaitu seperti berikut :

- i. Bahagian Kawalan Pembangunan
- ii. Bahagian Penyelidikan, Pembangunan, Penguatkuasaan & Pelesenan
- iii. Bahagian Rancangan Pemajuan
- iv. Unit Pentadbiran

CARTA ORGANISASI JABATAN PERANCANG BANDAR 2020



5.1 BAHAGIAN KAWALAN PEMBANGUNAN

Bahagian Kawalan Pembangunan di jabatan merupakan perkhidmatan teras jabatan dan dibahagikan mengikut daerah di Seberang Perai iaitu Bahagian Kawalan Pembangunan Daerah SPU, SPT dan SPS. Setiap daerah diketuai oleh seorang Penolong Pengarah dan dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Kanan Perancang Bandar. Fungsi dan tanggungjawab bahagian ini adalah seperti berikut:

- Memproses permohonan kebenaran merancang untuk skim perumahan, perniagaan, industri, institusi dan lain-lain jenis pembangunan
- Memproses permohonan pelan pecahan sempadan, cantuman, penyerahan dan pemberian milik semula tanah
- Memproses permohonan penamaan taman, jalan dan bangunan
- Memberi ulasan teknikal terhadap pelan bangunan, kerja tanah, ubah syarat tanah, sijil layak menduduki, permohonan lesen tumpangan sementara (TOL), penggunaan tanah kerajaan, pemberian milik tanah, pengambilan balik tanah, Perlingkungan Semula dan lain-lain yang berkaitan

Beberapa penambahbaikan telah dilaksanakan di jabatan dalam memproses Permohonan Kebaran Merancang iaitu:

- Mengeluarkan C1 serta merta bagi Kebenaran Merancang Bangunan Industri Sesebuah, Bangunan Industri Sesebuah atau Berkembar Dalam Kawasan Industri, pusat Mencuci Kereta Manual, Hotel Bajet dan Kompleks sukan.
- Mengeluarkan C1 dalam tempoh 60 hari dari tarikh diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa OSC
- Memproses PKM dalam tempoh 71 hari sepertimana yang ditetapkan oleh OSC 3.0 plus.

Aktiviti yang telah dijalankan :-

- Sejak tahun 2010 hingga bulan Disember 2020 terdapat sebanyak 3,808 permohonan yang telah diterima oleh pihak jabatan. Dari jumlah tersebut 2,766 (72%) merupakan permohonan kebenaran merancang untuk tujuan pembangunan dan 1042 (28%) adalah permohonan pelan pecahan sempadan/cantuman tanah, penyerahan dan pemberian milik semula tanah seperti Jadual 1.

JUMLAH PERMOHONAN YANG DITERIMA TAHUN 2010-2020

TAHUN	PELAN SUSUNATUR	PELAN PECAHAN/CANTUMAN TANAH/ PENYERAHAN DAN PEMBERIAN MILIK SEMULA	JUMLAH
2010	206	102	308
2011	247	150	397
2012	295	125	420
2013	268	153	421
2014	286	105	391
2015	256	109	365
2016	324	91	415
2017	227	62	289
2018	247	56	303
2019	230	53	283
2020	180	36	216
2010	2,766	1,042	3,080

JADUAL : 1 Sementara permohonan yang telah diberi kelulusan adalah sebanyak 1705 yang terdiri daripada 1057 (62%) pelan kebenaran merancang dan 648 (38%) pelan pecahan sempadan/cantuman tanah seperti Jadual 3.

JUMLAH PERMOHONAN YANG DILULUSKAN TAHUN 2010-2019

TAHUN	PELAN SUSUNATUR	PELAN PECAHAN/ CANTUMAN TANAH	JUMLAH
2010	204	56	260
2011	92	110	202
2012	116	79	195
2013	72	99	171
2014	87	74	161
2015	124	82	206
2016	123	55	178
2017	61	46	107
2018	100	37	137
2019	78	10	88
2020	42	24	66
2010	1,099	672	1,771

JADUAL : 3 Berdasarkan trend permohonan seperti di **Jadual 2** dan **Jadual 3** didapati bilangan permohonan yang diterima dan yang diluluskan bagi permohonan kebenaran merancang telah menurun berbanding tahun-tahun sebelumnya.

5.2 BAHAGIAN PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN, PENGUATKUASAAN DAN PELESENAN

- PENYELONG PEGAWAI KESIHATAN PERSIKUTARAN (Gred N29)**
 - Muhamadz Firdaus bin Chazali
- PENYELONG PEGAWAI KESIHATAN KEMUDAHAN AWAM (Gred N29) (KUP)**
 - Salwa bt Noor
 - Muhamadz Firdaus bin Chazali
- PENYELONG PEGAWAI KESIHATAN PERSIKUTARAN (Gred N29)**
 - Norauhana binti Abu Samah
 - Suraini binti Abu Kassim
 - Noraini binti Otman
- PENYELONG PEGAWAI KESIHATAN KEMUDAHAN AWAM (Gred N29) (KUP)**
 - Marina bt Zainol Abidin
- PENYELONG PEGAWAI KESIHATAN PERSIKUTARAN (Gred N29)**
 - Muhamadz Firdaus bin Chazali
- PENYELONG PEGAWAI KESIHATAN KEMUDAHAN AWAM (Gred N29) (KUP)**
 - Salwa bt Noor
 - Muhamadz Firdaus bin Chazali
- PENYELONG PEGAWAI KESIHATAN PERSIKUTARAN (Gred N29)**
 - Norauhana binti Abu Samah
 - Suraini binti Abu Kassim

LAPORAN TAHUNAN 2020 JABATAN KEMASYARAKATAN

PENGENALAN

Jabatan Kemasyarakatan mempunyai kekuatan kakitangan seramai 77 orang yang diketuai oleh Pengarah Kemasyarakatan dan dibantu oleh 4 unit yang terdiri seperti di bawah :

BAHAGIAN

- Unit Pentadbiran
- Unit Eko Komuniti
- Unit Sukan & Sosial
- Unit Media & Protokol

FUNGSI JABATAN

- Menyelia dan menyelenggara kompleks sukan dan dewan di bawah pentadbiran MBSP termasuk kemudahan-kemudahan yang disediakan.
- Merancang dan melaksana program sukan.
- Meningkatkan mutu sukan sejajar dengan keperluan semasa dalam kalangan masyarakat Seberang Perai.
- Mengembangkan minat sukan dalam kalangan kakitangan MBSP dan masyarakat.
- Bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, swasta dan lain-lain pertubuhan dalam penganjuran aktiviti sukan dan sosial.
- Meningkatkan imej MBSP melalui pencapaian dalam bidang sukan dan sosial.
- Menguruskan lawatan ke luar dan dalam MBSP, permohonan cenderamata dan penggunaan bilik mesyuarat.
- Menerbitkan Laporan Tahunan, Buletin dan risalah-risalah berkaitan dengan Majlis.
- Menjadi Sekretariat LA21.
- Mengendalikan Majlis-Majlis Rasmi MBSP.
- Menyelaraskan keratan akhbar dan semua hal berkaitan dengan akhbar.

LAWATAN DAN KUNJUNGAN

Sepanjang tahun 2020, Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menerima lawatan dan kunjungan hormat daripada 9 delegasi dan pelawat.

LAWATAN KE MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI 2020

BIL	TARIKH	AGENSI	KETUA DELEGASI	BIL. PESERTA	CATATAN
1	13.1.2020	Majlis Perbandaran Manjung	Noor Hayati bt Abdul Rahim	45	Berkongsi pengalaman semasa naik taraf MPSP ke MBSP dan strategik peningkatan hasil serta perkhidmatan MBSP
2	24.1.2020	Majlis Perbandaran Manjung	Encik Mohd Reyza bin Mazlan	4	Lawatan Penandaarasan ke MBSP
3	29.1.2020	Majlis Perbandaran Sungai Petani	Puan Norazuwa bt Pital	18	Lawatan Penanda aras benchmark di MBSP
4	3.2.2020	Universiti Sains Malaysia	Prof. Dr. Narimah bt Samad	27	Taklimat dari MBSP berkaitan urbanisasi dan kesannya kepada kualiti hidup masyarakat setempat
5	27.2.2020	Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim	Encik Afizudin bin Mohamad Saad	28	Mempelajari prosedur sitaan
6	2.7.2020	Majlis Bandaraya Pulau Pinang	Encik Ismail bin Abd Manaf	21	Mempelajari pelaksanaan manual osc 3.0 <i>plus online</i>
7	5.8.2020	Majlis Perbandaran Manjung	Puan Myrati Arini bt Abdul Rahman	14	Berkongsi maklumat berkaitan pelaksanaan penilaian semula dan sistem penilaian berkomputer
8	3.9.2020	<i>Institut of Landscape Architects Malaysia</i>	LAr. Dr. Nor Atiah Ismail	20	Taklimat mengenai action plan Sungai Perai
9	7.10.2020	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	Encik Muhd Shawal Sufiyan bin Mat Amin	4	Berkongsi mengenai pemasangan solar di bangunan MBSP

KERATAN AKHBAR

Jabatan ini ditugaskan untuk membuat keratan akhbar mengenai isu-isu MBSP dan yang berkaitan untuk tindakan MBSP dan untuk Sistem Keratan Akhbar.

Statistik Keratan Akhbar Yang Telah Dibuat Sepanjang Tahun 2020

BIL	AKHBAR / BULAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
1	BERITA HARIAN	1	6	1	-	12	-	3	1	5	2	8	6	45
2	HARIAN METRO	6	5	1	-	11	-	2	2	4	4	1	8	44
3	SINAR HARIAN	5	2	3	-	20	1	1	2	8	9	2	5	58
4	THE STAR	21	20	19	-	2	20	19	20	25	34	21	30	231
5	NST	1	2	3	-	12	1	1	1	3	2	2	2	30
6	THE SUN	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
7	TAMIL NESAN	2	-	2	-	-	-	-	2	-	-	-	-	6
8	ORIENTAL DAILY	-	-	1	-	-	-	-	-	1	-	-	-	2
9	CHINA PRESS	11	2	4	7	7	19	6	7	10	9	3	8	93
10	GUANG MENG	14	3	7	6	6	16	12	10	8	9	14	8	113
11	NAN YANG	2	-	4	-	-	1	2	2	2	1	3	-	17
12	KWANG WAH	9	5	8	5	5	10	8	8	6	14	8	5	91
13	SIN CHEW DAILY	5	2	6	3	3	4	8	8	6	14	9	8	76
14	NANBAN	5	2	2	-	-	-	-	1	-	2	-	-	12
15	MAKKAL OSAI	-	2	1	-	-	-	-	1	-	2	1	1	8

Pengurusan & Penyelenggaraan Kompleks-Kompleks Sukan MBSP

Majlis mempunyai 6 buah kompleks sukan dan dewan seperti di bawah dan diuruskan oleh Jabatan Kemasyarakatan iaitu :


- Kompleks Sukan Bertam, Kepala Batas
- Kompleks Sukan & Rekreasi Sony, Seberang Jaya (Diambil alih oleh Perbadanan Stadium & Kawasan Lapang Pulau Pinang pada Julai 2020)
- Kolam Renang Awam Seberang Jaya (Diambil alih oleh Perbadanan Stadium & Kawasan Lapang Pulau Pinang pada Julai 2020)
- Kompleks Sukan Jalan Betek, Bukit Mertajam (Diambil alih oleh Perbadanan Stadium & Kawasan Lapang Pulau Pinang pada Disember 2020)
- Dewan Milenium, Kepala Batas (Diambil alih oleh Perbadanan Stadium & Kawasan Lapang Pulau Pinang pada Julai 2020)

Kompleks Dan Dewan Yang Disediakan Oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)



Penggunaan Kemudahan Sukan MBSP Bagi Tahun 2020

KEMUDAHAN	BILANGAN PENGGUNAAN
Kompleks Sukan MBSP Bertam	2610
Kompleks Sukan dan Rekreasi SONY	858
Kompleks Sukan dan Rekrasi MBSP Jalan Betek	162



Graf Menunjukkan Penggunaan Kemudahan Sukan MBSP Bagi Tahun 2020

Pengurusan & Penyelenggaraan Dewan Orang Ramai MBSP


Majlis juga mempunyai dewan-dewan orang ramai yang diserahkan oleh pemaju-pemaju perumahan. Dewan-dewan ini akan diberi hak pengurusan selama setahun kepada Persatuan atau Pertubuhan dengan mengenakan bayaran gantian cukai tanah dan cagaran sebanyak RM100.00.

Permohonan rasmi perlu dikemukakan kepada MBSP dan sertai dengan

- i. Sijil Pertubuhan yang sah
- ii. Senarai Ahli Jawatankuasa
- iii. Perancangan aktiviti tahunan

Statistik Dewan Orang Ramai Bagi Tahun 2020

BIL	STATUS / KAWASAN	SPU	SPT	SPS
1	Diuruskan oleh Persatuan / Pertubuhan	65	110	66
2	Kekosongan	10	11	15
Jumlah		75	121	81



Graf menunjukkan Bilangan Dewan Orang Ramai MBSP Bagi Tahun 2020

LAPORAN PROGRAM LA 21

Unit Eko Komuniti

Pada tahun 2020, Unit Eko Komuniti telah menjalankan sebanyak 107 aktiviti yang bertujuan untuk mempertingkatkan program kitar semula dan menggalakkan pengurangan sampah. Promosi 8R iaitu *Rethink, Reduce, Reuse, Repair, Regift, Refuse, Recover* dan *Recycle* giat dijalankan. Setiap lapisan masyarakat, bermula dengan diri sendiri dididik untuk mewujudkan masyarakat yang kurang mengeluarkan sisa, atau menjana sisa (sisa sifar – *rethink*) dengan menjalankan program kitar semula bagi sisa yang dijana dan membudayakan kitar semula dalam kehidupan seharian.

Program-program yang dijalankan memfokuskan mengenai kepentingan kitar semula dan kepentingan sisa diasingkan kepada 3 kategori iaitu sisa kitar semula, sisa baki, dan sisa organik.

Unit Eko Komuniti juga giat menjalankan aktiviti Upcycle. Aktiviti Upcycle adalah satu usaha yang bertujuan untuk mengurangkan sampah yang tidak boleh dikitar semula ke tapak pelupusan memandangkan beratan sampah makin hari makin meningkat.

Secara mudah, konsep ini mengajar supaya memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barangan yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan. Dengan mengamalkan kitar semula ini, ia bukan sahaja dapat menjaga alam sekitar dan menjimatkan kos pengurusan sampah malah dapat mengekang pelbagai permasalahan yang bakal timbul kesan daripada ketidakcekapan pengurusan sumber alam.

Kitar Semula

Statistik Kitar Semula Tahun 2020

Bulan	Berat Sampah (Tan)	Berat Kitar Semula (Tan)	Jumlah Berat Sampah + Berat Kitar	Peratus Kitar Semula
1	44,907.900	32,256.426	80,164.326	43.98%
2	48,963.480	26,438.344	75,401.824	35.06%
3	46,042.010	10,099.047	56,141.057	17.98%
4	33,781.060	10,688.810	44,469.870	24.03%
5	43,260.730	18,206.241	61,466.971	29.62%
6	50,904.570	22,583.459	73,488.029	30.73%
7	50,300.940	21,875.021	72,175.961	30.30%
8	52,586.740	18,478.361	71,065.101	26.00%
9	54,155.940	20,097.114	74,253.054	27.06%
10	59,996.270	19,888.547	79,884.817	24.89%
11	56,528.600	20,008.656	76,537.256	26.14%
12	56,805.860	535,087.179	591,839.039	90.40%
Jumlah	48,963.480	758,707.205	1,356,941.305	55.91%

KADAR KITAR SEMULA 2013-2020

TAHUN	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Sisa (Tons)	635,555	667,955	729,718	756,198	798,364	902,631	1,143,995	1,356,941
Kitar Semula (Tons)	207,849 (32.7%)	233,790 (35%)	289,258 (39.64%)	322,189 (42.60%)	345,329 (43.25%)	425,640 (47.15%)	590,773 (51.64%)	758,707 (55.91%)

Komuniti Sisa Sifar

Komuniti sisa sifar adalah untuk mendidik penduduk bahawa pengasingan sisa di punca perlu dilaksanakan dan bukan itu sahaja, sisa dapur seperti kulit buah-buahan, sayur-sayuran, semua sisa basah boleh dikomposkan untuk dijadikan baja. Sekiranya masyarakat mengamalkan pengkomposan dan kitar semula, ia dapat membantu mengurangkan pembuangan sisa dapur ke tapak pelupusan dan dapat membantu MBSP untuk menjimatkan jutaan ringgit yang dibayar untuk pengurusan sampah pada setiap tahun.

1. Taman Pandan
2. Pangsapuri Park View
3. Palm Villa
4. Permatang Nibong
5. Taman Keenways
6. Taman Desa Palma
7. Pangsapuri Taman Permata
8. Taman Tambun Indah
9. Taman Putri Gunung
10. Taman Bukit Panchor
11. Kampung Jawi
12. Autocity Juru
13. South Island Garment
14. Malaysian Automotive Lighting
15. Ixora Hotel
16. Kilang Sony, Prai
17. Taman Villa Oren
18. Pangsapuri Tanjung Indah

Anugerah Komuniti Mampan





Anugerah Komuniti Mampan ini ialah untuk memberikan pengiktirafan kepada inisiatif dan pencapaian komuniti yang cemerlang dalam menambah baik kualiti alam dan persekitaran. MBSP telah bekerjasama dengan Amphenol TCS selaku penaja buat kali ketiga bagi menjayakan Anugerah Komuniti Mampan bagi tahun 2018/2019 yang telah dilancarkan pada 4 Julai 2020. Program ini telah dimulakan pada tahun 2013 dan berterusan hingga tahun ini. Jumlah penyertaan komuniti adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH PENYERTAAN
2013	12
2014	15
2015	18
2016/2017	21
2018/2019	22
2020/2021	23

Penilaian di atas komuniti yang menyertai Anugerah ini dibahagikan kepada lima komponen utama iaitu, Perancangan dan Pengurusan, Amalan Sisa Sifar, Kebersihan dan Penghijauan, Penglibatan Komuniti DAN Program Pengurangan Jejak Karbon.

2.1 Antara contoh aktiviti yang boleh dijalankan oleh komuniti dalam menuju komuniti mampan adalah seperti,

- a. Kitar Semula
- b. Pengasingan Sisa di Punca
- c. Kompos Sisa Organik
- d. Membuat jus buah-buahan tertapai
- e. Penanaman pokok
- f. Pengindahan
- g. Kebersihan taman
- h. Kebun Kejiranan
- i. Kempen kesedaran alam sekitar dan program sosial
- j. Gotong-royong
- k. Program pengurangan jejak karbon
- l. Promosi 8R (*Rethink, Refuse, Reduce, Reuse, Repair, Re-gift, Recover dan Recycle*)

2.2 Komuniti yang memenangi Anugerah Komuniti Mampan Seberang Perai 2020 akan membawa pulang hadiah seperti berikut :

- a. Tempat pertama : RM3000 dan Sijil Penyertaan
- b. Tempat kedua : RM2500 dan Sijil Penyertaan
- c. Tempat Ketiga : RM2000 dan Sijil Penyertaan
- d. Tempat Keempat : RM1000 dan Sijil Penyertaan
- e. Saguhati : RM500 dan Sijil Penyertaan (14 hadiah)

Kutipan Sisa Organik Dari Pasar

Program '*Food Converter*' adalah program yang menggunakan cara semulajadi bahan organik untuk dikitar semula. Ianya adalah proses apabila bahan-bahan organik direputkan oleh mikro organism dalam keadaan beroksigen. Hasil daripada proses ini adalah kompos yang digunakan sebagai baja semulajadi untuk perkebunan dan pertanian.

Program '*Food Converter*' bermula dengan tujuan menerima pendekatan secara holistik bagi pengurusan alam sekitar dan menggalakan penambahbaikan berterusan. Tumpuan program ini ialah pengurangan sisa-sisa organik ke tapak pelupusan sampah Pulau Burung dan berwawasan untuk mengajak manusia mencontohi kitaran alam semulajadi di mana semua bahan buangan adalah sumber untuk kegunaan lain.

Kutipan Sisa Organik Dari Pasar

1. Pasar Awam Sri Rambai
2. Pasar Awam Taman Selamat
3. Pasar Awam Kampung Baru
4. Pasar Awam Bukit Mertajam
5. Pasar Awam Jeti Lama

Program Upcycle



- 2.1 Wujudnya program Upcycle Komuniti adalah hasil pemerhatian daripada aktiviti kitar semula komuniti yang dijalankan di kawasan Seberang Perai bawah seliaan MBSP. Apabila aktiviti kitar semula dijalankan, satu masalah telah dikenalpasti iaitu didapati terdapat barangan yang tidak dapat dikitar semula. Barangan yang tidak boleh dikitar semula akan berakhir di tempat pelupusan sampah.
- 2.2 Komuniti yang berminat dikenalpasti dan latihan diberi kepada pihak komuniti. Bagi komuniti yang telah mahir, mereka juga akan menyumbangkan ilmu dan kemahiran mereka kepada satu komuniti yang lain pula. Terdapat lapan buah komuniti yang telah mula menjalankan aktiviti Upcycle. Lapan komuniti tersebut ialah:
 - 2.2.1. Koperasi Lestari Permatang Nilbong
 - 2.2.2. JKKK Tambi Kecil
 - 2.2.3. Tmn Pandan
 - 2.2.4. Taman Bagan Lalang
 - 2.2.5. Koperasi Ibu Tunggal Penanti
 - 2.2.6. Taman Keenways
 - 2.2.7. Pusat Perniagaan Alma
 - 2.2.8. Perkampungan Jawi
- 2.3 Beberapa orang dari komuniti-komuniti ini telah dilantik menjadi Jurulatih Upcycle pada 17 September 2016. Terdapat 26 orang Jurulatih Upcycle sehingga kini.
- 2.4 Jumlah bengkel Upcycle yang diadakan pada tahun 2020 ialah **33**.
- 2.5 Selain menyelia bengkel-bengkel Upcycle, MBSP juga menyediakan platform kepada komuniti untuk memasarkan produk mereka.
- 2.6 Bermula Mac 2017, Syarikat Autocity Juru, telah mula mengadakan aktiviti Night Market pada setiap Sabtu pertama setiap bulan dan menyediakan tapak-tapak jualan kepada pihak komuniti yang mempunyai barangan Upcycle untuk dipromosi dan dijual.
- 2.7 Platform kepada pengusaha produk upcycle untuk memasarkan produk juga disediakan di Karnival 8R, Pasar Awam Kota Permai yang dianjurkan bersama *Junior Chamber Institute*. Program ini telah dilancarkan pada 25 Feb 2018.

Growth Market

Growth Market diwujudkan bagi membuka ruang kepada pengusaha tempatan untuk memasarkan produk mereka yang bersifat organik. *Growth market* ini diadakan setiap bulan pada hari Ahad kedua dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari di *Autocity*. *Growth Market* dimulakan oleh *Pop & Chee Healthy Home Farming* iaitu Ms. Chee Hoyyee dan Joeyin Chuah dari Komichi Tea House. *Growth Market* ditubuhkan bertujuan untuk membentuk kehidupan yang sihat melalui komuniti dengan pertanian tempatan yang bersifat organik dan natural.

Kerjasama antara *Growth Market* dan *Autocity Juru* ini juga menghimpunkan petani tempatan dan komuniti yang menghasilkan *homemade product* bagi mengadakan jualan. *Growth Market* mensyaratkan produk yang hendak dipasarkan disini mestilah sekurang-kurangnya 70% adalah organik dan *natural*. *Growth Market* ini merupakan platform kepada usahawan tempatan untuk memasarkan produk mereka. Selain itu konsep *Growth Market* yang mengumpulkan produk tempatan di satu tempat adalah satu langkah dalam mengurangkan jejak karbon, dan ini sejajar dengan halatuju Majlis Bandaraya Seberang Perai untuk menjadi Bandaraya Rendah Karbon pada 2022 dan Bandaraya Bebas Karbon pada 2030.

Karnival 8r

Karnival 8R ini dijalankan adalah bagi mewujudkan kesedaran kepentingan '*smart consumption*' bagi penjagaan alam sekitar demi masa hadapan. '*Smart consumption*' merupakan satu elemen yang penting kerana semakin kurang sampah yang dihasilkan, maka kita dapat menjimatkan kos menguruskan sampah, menjaga alam sekitar dan memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah yang sedia ada iaitu di Pulau Burung. Karnival ini diadakan pada hari Ahad terakhir setiap bulan di pasar awam Kota Permai. Pada tahun 2019 sebanyak 10 kali carnival ini telah diadakan.

Majlis Pelancaran “No Plastic Straw”

Majlis Pelancaran *No Plastic Straw* pada 26 september 2019 diadakan bertujuan untuk menyatakan komitmen MBSP kearah *No Single Use Plastic* sejajar dengan Dasar '*Cleaner, Greener, Safer, Healthier & Happier Penang*'. Bagi menerapkan kefahaman mengenai plastik sekali guna, MBSP mengambil langkah memberi penerangan kepada sekolah dan dan peniaga. Butiran program yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

BIL	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
1	05 Februari 2020	Pelancaran Tiada Straw Plastik	SMK Seri Muda
2	06 Mac 2020	Kempen Tiada Pakai Plastik Sekali Guna	SJKC Mak Mandin, Butterworth
3	23 September 2020	Ceramah Dilema Plastik – Pemberi Penyelesaian Atau Penyebab Masalah	Auditorium, MBSP
4	08 Oktober 2020	Ceramah Plastik Sekali Terpakai	Western Digital, Batu Kawan

Permainan Pendidikan Hijau Digital (*Single Use Plastic*)

Pada 20 Disember 2020, MBSP telah mengadakan Majlis Pelancaran Permainan Pendidikan *Digital Single Use Plastic*. Objektif permainan digital ini bertujuan meningkatkan pengurangan *single use plastic* dan mencari alternatif lain selain dari penggunaan semula dan kitar semula. Matlamatnya adalah '*life style and behaviour change*'. Pengusaha kilang plastik pula amat-amat digalakkan membantu masyarakat dalam pengumpulan sisa plastik dan tidak hanya memberi alasan pembelian sisa plastik adalah membebankan.

PROGRAM LA 21



BENGKEL 8R SEKOLAH TADIKA



BENGKEL DAN PAMERAN KRAFTANGAN
BARANGAN UPCYCLE



PROJEK PENGKOMPOSAN MAKANAN
DI PASAR AWAM

PROGRAM LA 21



BENGKEL ANYAMAN KERTAS



BENGKEL ANYAMAN KOTAK MINUMAN
DAN PEMBUNGKUS MAKANAN




BENGKEL HIASAN DARI TAYAR TERPAKAI



JABATAN PELESENAN

CARTA ORGANISASI P&P JABATAN PELESENAN



LAPORAN TAHUNAN 2020

JABATAN PELESENAN

STRUKTUR JABATAN

- Terbahagi kepada **2** bahagian utama
 - i) Bahagian Pentadbiran
 - Hal ehwal Pentadbiran Jabatan
 - Pengurusan Banner
 - ii) Bahagian Pelesenan, Pengurusan Pasar & Kompleks Makanan, Penguatkuasaan Penjaja Dan Pengurusan Kompleks Tidak Aktif
 - Parlimen Kepala Batas, Tasek Gelugor, Bagan dan Permatang Pauh
 - Parlimen Bukit Mertajam, Batu Kawan dan Nibong Tebal

FUNGSI UTAMA

- Menerima, memeriksa, memproses dan mengawal pengeluaran semua lesen permis perniagaan dan permit di Seberang Perai.
- Menguatkuasakan peruntukan undang-undang dan peraturan yang berkaitan bagi memastikan semua aktiviti perniagaan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- Menyiasat dan mengambil tindakan terhadap semua aktiviti-aktiviti perniagaan yang dijalankan tanpa lesen dan semua aduan yang diterima serta mengemukakan laporan.
- Menjalankan kerja-kerja mengumpul maklumat dan statistik berkaitan aktiviti perniagaan dan penjajaan untuk tujuan rekod.
- Mengurus dan mengawal semua ruang niaga Majlis serta mengendalikan temuduga terbuka untuk pengisian kekosongan ruang niaga Majlis.
- Mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap penjaja haram.
- Menjalankan pembersihan dan pengurusan pasar awam dan kompleks makanan MBSP.

OBJEKTIF JABATAN PELESENAN

Memastikan semua kegiatan perniagaan dan iklan dilesenkan, untuk tujuan pengawalan dan pematuhan syarat perniagaan mengikut kategori masing-masing (am, industri, hiburan dan penjaja) serta pengurusan Pasar Awam dan Kompleks Makanan yang bersih, selesa dan teratur.

OBJEKTIF MAJLIS DARI SEGI KAWALAN PEMBANGUNAN

- Memastikan semua premis perniagaan berlesen.
- Meningkatkan penguatkuasaan bagi menjamin keselesaan dan keselamatan warga Seberang Perai daripada kacauganggu.
- Memastikan peniaga mematuhi syarat pelesenan bagi menjamin kualiti perkhidmatan yang disediakan.

UNDANG-UNDANG YANG DIKUATKUASAKAN

- Akta Kerajaan Tempatan 1976
- Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974
- Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Jalan, Parit Dan Bangunan 1980
- Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen MBSP 1980
- Undang-Undang Kecil (Iklan) MBSP 2001
- Undang-Undang Kecil Penjaja MBSP 1991
- Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (MBSP) 1992
- Undang-Undang Kecil Kedai Makanan Dan Kedai Kopi Kerajaan Tempatan Seberang Perai 1974
- Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran Kerajaan Tempatan Seberang Perai 1975
- Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Iklan Pilihanraya) MBSP 1990
- Undang-Undang Kecil Perniagaan Yang Merbahaya, Tidak Sihat Atau Yang Mengganggu Dan Setal-Setal Kerajaan Tempatan Seberang Perai, 1974
- Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998
- Peraturan-Peraturan Hiburan Pulau Pinang 2001
- Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010

STATISTIK PENGELUARAN LESEN BAGI TAHUN 2020

Jenis Lesen	Permohonan	Lulus	Batal dan Tolak
Lesen Am	2918	2598	95
Lesen Industri	383	310	24
Lesen Penjaja	1321	1127	0
Lesen Veterinar	23	19	0
Lesen Penganjur Pasar	27	23	3

- Ruang niaga Majlis ditawarkan untuk sewaan kepada penjaja-penjaja di seluruh Seberang Perai melalui **temuduga terbuka** yang diadakan **2 kali pada setiap bulan** di MBSP
- Temuduga terbuka yang diadakan akan dianggotai oleh panel Ahli Majlis MBSP dan diurusetikan oleh Jabatan Pelesenan

STATISTIK PENGISIAN RUANG NIAGA PASAR TAHUN 2020

BULAN	SPU		SPT		SPS	
	BERJAYA	GAGAL	BERJAYA	GAGAL	BERJAYA	GAGAL
JANUARI	5	-	-	-	-	-
FEBRUARI	-	-	-	13	7	-
MAC						
APRIL	TIADA TEMUDUGA - PKP					
MEI						
JUN	5	1	2	5	-	-
JULAI	13	4	29	17	2	1
OGOS	27	20	6	5	7	6
SEPTEMBER	-	-	22	2	-	-
OKTOBER	4	-	10	1	2	-
NOVEMBER	-	-	7	6	3	-
DISEMBER	3	3	7	-	-	-
JUMLAH	57	28	83	49	21	7

STATISTIK PENGISIAN RUANG NIAGA KOMPLEKS TAHUN 2020

BULAN	SPU		SPT		SPS	
	BERJAYA	GAGAL	BERJAYA	GAGAL	BERJAYA	GAGAL
JANUARI	4	1	8	2	-	-
FEBRUARI	-	-	15	28	5	-
MAC						
APRIL	TIADA TEMUDUGA - PKP					
MEI						
JUN	3	3	-	-	-	-
JULAI	-	-	25	15	14	4
OGOS	9	9	9	18	-	-
SEPTEMBER	2	9	1	-	2	-
OKTOBER	7	6	7	14	-	-
NOVEMBER	1	-	1	4	4	3
DISEMBER	-	-	8	29	-	-
JUMLAH	26	28	74	110	25	7

JUMLAH RUANG NIAGA MAJLIS YANG AKTIF SEHINGGA TAHUN 2020

JENIS	JUMLAH PASAR / KOMPLEKS				JUMLAH RUANG NIAGA			
	SPU	SPT	SPS	JUMLAH	SPU	SPT	SPS	JUMLAH
PASAR AWAM	9	13	7	29	1,195	1,684	820	3,699
KOMPLEKS	29	33	7	69	613	758	184	1,555
KIOSK	10	6	1	17	10	6	1	17

KUTIPAN HASIL JABATAN PELESENAN BAGI TAHUN 2017, 2018, 2019 dan 2020

KETERANGAN	JUMLAH KUTIPAN (RM)			
	2017	2018	2019	2020
Lesen Industri	1,628,273.00	1,840,285.50	1,710,415.25	1,661,804.10
Lesen Perniagaan	6,974,555.50	8,790,139.72	8,988,929.75	9,689,777.15
Lesen Hiburan	64,263.00	44,014.95	46,234.95	33,428.90
Lesen Penjaja	132,825.00	33,422.20	214,786.20	339,163.10
Lesen Penganjuran Pasar Malam	1,000.00	0	6,100.80	21,525.30
Program Mesra Pelanggan September 2018	0	8,339.40	14,034.05	0
Lesen Perkhidmatan Pemungutan Sampah Boleh Dikitar Semula	2,500.00	4,100.00	2,659.00	1,200.00
Permit Pasar Awam Sri Rambai (Guna Kupon)	0	111,762.00	104,721.00	64,820.00
Permit Iklan (Pelesenan)	1,086,883.40	1,066,821.00	1,590,393.00	818,864.00
Permit Perniagaan Sementara	48,210.00	77,355.00	65,280.00	8,595.00
Permit Pelesenan (Kanopi)	50,750.00	74,393.00	115,250.00	51,030.00
Permit Meja Tambahan	78,150.00	85,378.00	102,070.00	55,720.00
Sewaan Pasar Awam/Kompleks	6,087,070.40	6,275,945.00	5,941,134.20	4,739,862.4
Kompaun Jabatan Pelesenan	1,060,640.00	730,980.00	538,390.00	304,699.00
Denda Permit Memasang Banner/ Sepanduk/Kain Rentang	20,740.00	13,480.00	23,580.00	27,400.00
JUMLAH	17,235,860.30	19,156,415.77	19,463,978.20	17,817,888.95

KAJIAN HASIL KUTIPAN JABATAN PELESENAN 2 TAHUN

LESEN DAN PERMIT					
Bil	Kod	Keterangan	01/01/2019-31/12/2019	01/01/2020-31/12/2020	% Beza 2020
1.	71100	Perindustrian	1,710,415.25	1,661,804.10	(2.90)
2.	71200	Perniagaan	8,988,929.75	9,689,777.15	7.23
3.	71300	Hiburan	46,234.95	33,428.90	(38.30)
4.	71612	Lesen Penjaja (71600,71610,71614,71615 & 71616)	214,786.20	339,163.10	36.67
5.	71710	Pasar Malam	6,100.80	21,525.30	71.66
6.	71611	Program Mesra Pelanggan September 2018	14,034.05	0	0
7.	71613	Lesen Perkhidmatan Pemungutan Sampah Boleh Dikitar Semula	2,659.00	1,200.00	(121.58)
8.	71640	Permit Pasar Awam Sri Rambai (Guna Kupon)	104,721.00	64,820.00	(61.56)
9.	71760	Permit Iklan (Pelesenan)	1,590,393.00	818,864.00	(94.22)
10.	71770	Permit Perniagaan Sementara	65,280.00	8,595.00	(659.51)
11	71780	Permit Pelesenan (Kanopi)	115,250.00	51,030.00	(125.85)
10.	71800	Permit Meja Tambahan	102,070.00	55,720.00	(83.19)
JUMLAH			12,960,874.00	12,745,927.55	-

SEWAAN					
Bil	Kod	Keterangan	01/01/2019-31/12/2019	01/01/2020-31/12/2020	% Beza 2020
1.	74400	Sewaan Gerai Kompleks/Kiosk	1,606,753.00	1,254,028.80	(28.13)
2.	74403	Sewaan Gerai Pasar Awam	3,944,833.20	3,485,833.60	(13.16)
3.	74407	Kompleks Penjaja Tidak Aktif (Terbengkalai)	389,548.00	367,047.00	(6.13)
JUMLAH			5,941,134.20	5,106,909.40	-

DENDA DAN HUKUMAN					
Bil	Kod	Keterangan	01/01/2019-31/12/2019	01/01/2020-31/12/2020	% Beza 2020
1.	76410	Kompaun Jabatan Pelesenan	538,390.00	304,699.00	(76.70)
2.	76470	Denda Permit Memasang Banner/ Kain Rentang Untuk Cagaran (Pelesenan)	23,580.00	27,400.00	13.94
JUMLAH			561,970.00	332,099.00	-



JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

[illegible]

LAPORAN TAHUNAN 2020

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

FUNGSI PENTADBIRAN

1. Menyelaras input bajet Jabatan serta vot bersama SUB/ DB bersama jabatan dalaman MBSP
2. Menyelaras Peruntukan Perbelanjaan dan pindah peruntukan (virement) bagi vot bersama SUB/ DB.
3. Mengurus Panjar wang runcit Jabatan
4. Mengurus stok Jabatan mengikut Pekeliling 1PP.
5. Menyelaras tempahan bilik Mesyuarat Cempaka dan ruang keraian di Tingkat 16.
6. Menyediakan dan menyelaras dokumen penyediaan sebutharga / tender alat lindung diri dan peralatan keselamatan untuk MBSP.
7. Menyelaras Maklum Balas EXCO / POST EXCO / Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) / Majlis Mesyuarat Kerajaan Tempatan (MMK KT) / Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT)
8. Menyelaras kepelbagaian maklumat berdasarkan permohonan yang diterima daripada pelbagai agensi kerajaan, agensi swasta serta individu.
9. Menyelaras maklumbalas Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah (JKTD) SPU / SPT/ SPS
10. Mendaftar, merekod dan mengagih surat-surat yang diterima daripada Pejabat Datuk Bandar dan Pejabat Setiausaha Bandaraya kepada jabatan dalaman MBSP yang berkaitan.
11. Menyelaras Penyediaan Maklumat untuk Mesyuarat MMK Kerajaan Tempatan.

FUNGSI ADUAN DAN STRATEGIK

1. Menyelaras Aduan MBSP (kecuali aduan YAB Ketua Menteri/ YB EXCO Kerajaan Tempatan dan YB SUK
2. Menyelaras Jendela Pelanggan
3. Menyedia surat arahan kebenaran / penangguhan berhubung tindakan penguatkuasaan oleh YB EXCO Kerajaan Tempatan dan memberi makluman kepada YB ADUN / Penyelaras KADUN
4. Menyelaras Pembentukan dan Pelaporan Pelan Strategi serta Seberang Perai *Corporate Priorities*
5. Menyelaras penyertaan berkaitan dengan anugerah / pencalonan / pertandingan inovasi (KIK, Anugerah Inovasi, *Team Excellence*) yang disertai oleh MBSP di peringkat negeri dan kebangsaan.
6. Menyelaras input MBSP bagi penyediaan KPI SUK
7. Menyelaras penyediaan SKT Datuk Bandar dan Setiausaha Bandaraya
8. Menyelaras Program Kumpulan Inovasi Dan Kreatif (KIK)
9. Menyelaras Pengauditan Sistem Penarafan Bintang (*System Star Rating – SSR*)

FUNGSI KOMUNIKASI DAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

1. Menyelaraskan urusan menandatangani *Memorandum Of Understanding* (MOU) dan / atau menjalinkan hubungan persahabatan melalui pewujudan (*establishment*) *friendship city* dan *sister city* dengan Bandar-bandar yang mengamalkan *Best Practices*.
2. Mengurus lawatan Datuk Bandar, Setiausaha Bandaraya dan pegawai-pegawai MBSP ke luar Negara untuk menghadiri mesyuarat, seminar, bengkel, prosiding, persidangan dan lain-lain.
3. Menyelaraskan urusan kunjung hormat delegasi atau pegawai-pegawai daripada dalam dan luar Negara kepada Datuk Bandar.
4. Menyelaraskan keahlian MBSP sebagai ahli pertubuhan atau organisasi antarabangsa seperti ICLEI, UCLG ASPAC, WeGO dan lain-lain.
5. Menyelaraskan penyertaan berkaitan dengan anugerah / pencalonan / pertandingan yang disertai oleh MBSP di peringkat antarabangsa.
6. Menyedia Slaid Pembentangan Datuk Bandar.
7. Menyedia teks ucapan Datuk Bandar.
8. Menyelaraskan temubual Datuk Bandar dengan pihak media atau mana-mana agensi dan organisasi di peringkat nasional dan antarabangsa.
9. Menyelaraskan dan menyedia rencana atau artikel untuk meningkatkan imej korporat di peringkat nasional dan antarabangsa.

FUNGSI KUALITI

1. Menyediakan Jadual Program Dan Pelan Bertindak Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti (SPBK) MBSP dan membuat semakan setiap tiga bulan atau jika ada keperluan.
2. Menyelaraskan pelaksanaan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti MBSP dari aspek :
 - 2.1 Pelaksanaan sistem baru
 - 2.2 Pertukaran/perubahan standard
 - 2.3 Mendapatkan input keperluan latihan berkaitan SPBK dan menyediakan keperluan latihan tahunan untuk pengurusan latihan.
 - 2.4 Membuat pemantauan pelaksanaan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti.
3. Menyedia dokumentasi induk Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti MBSP dan menyelenggara rekod dokumentasi
4. Mengurus penyediaan dan pertukaran dokumentasi Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti jabatan serta menyelenggara rekod dokumentasi
5. Menyedia laporan pencapaian pelaksanaan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti MBSP
6. Sekretariat Mesyuarat Kajian Semula Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti MBSP - Menyediakan dan mengedarkan notis, menyedia buku mesyuarat, minit dan membuat pengesanan maklumbalas jabatan
7. Menyelaraskan pelaksanaan Audit Persijilan/Pematuhan/Pemantauan Sistem Pengurusan Berteraskan Kualiti MBSP
8. Menyedia laporan Piagam Pelanggan MBSP
9. Menyelaraskan pelaksanaan *Business Process Reengineering* (BPR) / *Business Process Improvement* (BPI) MBSP
10. Sekretariat Mesyuarat Kualiti Dan Inovasi MBSP - Menyediakan dan mengedarkan notis, menyedia maklumat mesyuarat, minit dan membuat pengesanan maklumbalas jabatan
11. Menyelaraskan penyediaan dan pertukaran SOP Jabatan serta menyelenggara rekod
12. Menyelaraskan permohonan pengiktirafan *The Malaysia Book Of Records* / penyertaan Anugerah Kualiti

LAWATAN DARIPADA LUAR NEGARA KE MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

1. Kunjungan Hormat oleh *Royal Thai Consulate-General* pada 7 Februari 2020
2. *Site Visit British-Siamese Boundary Stone at Pinang Tunggal Seberang Perai Utara* pada 23 Disember 2020

1. Kunjungan Hormat Oleh *Royal Thai Consulate-General* pada 7 Februari 2020

Pada 7 Februari 2020, MBSP telah menerima lawatan daripada *Royal Thai Consulate*. Wakil yang hadir pada kunjungan hormat tersebut ialah *His Excellency Mr. Raschada Jiwalai (Consulate General)*, *Encik Piyapan Atipatya (Consul Royal Thai Consulate)* dan Puan Grace Khaw. Selain itu, YDH ACP Hj. Noorzainy bin Hj. Mohd Noor (Ketua Polis Daerah SPU), YDH ASP Low Teck Lai (Inspektor Bah. Pengurusan, Ketua Polis Daerah SPT), DSP Baeyah binti Abdul Wahab (Timbalan Ketua Polis Daerah SPS) dan Inspektor Sarawanan (Wakil Ibu Pejabat Polis Daerah SPT) juga dijemput untuk menghadiri kunjungan hormat tersebut.

Lawatan ini diadakan bertujuan untuk menjalinkan kerjasama dan mempromosikan *people-to-people relationship* antara selatan Thailand dan Utara Semenanjung Malaysia (Perlis, Kedah, Penang dan Perak) bagi aktiviti pelancongan khususnya di Seberang Perai serta mewujudkan hubungan antara Pulau Pinang dan Songkhla.

Datuk Bandar berharap kerjasama antara Seberang Perai dan Selatan Thailand dalam sektor perikanan, pelancongan dan penanaman padi organik dapat diperkembangkan dan diperkukuhkan lagi dengan cara bertukar-tukar pendapat melalui seminar atau mesyuarat yang disyorkan dua (2) kali setahun. Datuk Bandar juga menjemput pihak *Royal Thai Consulate-General* ke Seberang Perai *International Conference on Ecotourism and Conservation Efforts (SPICEC)* pada 3 dan 4 November 2020 di The Light Hotel, Seberang Jaya dan *Butterworth Fringe Festival (BFF)* kali yang ke-6 pada 5 dan 6 Disember 2020.



YBhg. Datuk Bandar bersama *His Excellency Mr. Raschada Jiwalai*,
Encik Piyapan Atipatya serta Tuan Setiausaha Bandaraya



Sesi perbincangan YBhg. Datuk Bandar bersama His Excellency Mr. Raschada Jiwalai, Encik Piyapan Atipatya Ketua Polis Daerah serta Ketua Jabatan MBSP



Sesi kunjungan hormat YBhg. Datuk Bandar bersama His Excellency Mr. Raschada Jiwalai, Encik Piyapan Atipatya serta Puan Grace Khaw

2. Site Visit British-Siamese Boundary Stone at Pinang Tunggal Seberang Perai Utara pada 23 Disember 2020

Pada 23 Disember 2020, MBSP telah mengadakan lawatan tapak bersama *Royal Thai Consulate*. Wakil yang hadir untuk lawatan tapak tersebut adalah Mr. Raschada Jiwalai (*Consulate General*), Encik Piyapan Atipatya (*Consul Royal Thai Consulate*) dan Puan Grace Khaw. Selain itu, turut hadir bersama ialah Dato' Ir. Jaseni Bin Maidinsa (Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP), Encik Mohammad Zulkifli Bin Abdul Hamid (Division Head, Human Resource, PBAPP) dan Jabatan Dalaman MBSP.

Lawatan tapak tersebut diadakan bertujuan untuk memperkenalkan Batu Sempadan Inggeris-Siam di Pinang Tunggal, Seberang Perai Utara yang merupakan sangat penting kerana ia menandakan sempadan rasmi yang memisahkan Pulau Pinang dengan Negeri Kedah yang berjiran. Selain itu, YBhg. Datuk Bandar menerangkan Batu Sempadan Inggeris-Siam merupakan tarikh lahir Seberang Perai. Batu Sempadan Inggeris-Siam tersebut dipasang setelah penandatanganan perjanjian antara Syarikat Hindia Timur yang mewakili *Great Britain* dan Kerajaan Siam pada tahun 1869. Batu Sempadan Inggeris-Siam tersebut terletak cukup dekat dengan Sungai Muda. Ia berpotensi menjadi daya tarikan pelancong dalam mengembangkan ekonomi tempatan dan menjaga warisan tersebut bersama.

Encik Raschada Jiwalai, Konsul Jeneral memberi penerangan di mana Batu Sempadan Inggeris-Siam begitu penting kerana ia menunjukkan hubungan panjang antara Thailand dan Pulau Pinang. Warisan ini akan membawa banyak pelancong Thailand datang ke Seberang. Seberang Perai mempunyai banyak tempat penting untuk dikunjungi dan Batu Sempadan Inggeris-Siam adalah salah satu daripadanya. Kebanyakan warga Thailand mengetahui tentang sejarah sempadan ini tetapi tidak tahu di mana ia berada. Encik Raschada Jiwalai mengharapkan kerjasama lebih lanjut antara Seberang Perai City dan Konsul Jeneral Thailand bersama-sama mempromosikan dan memelihara tempat tersebut.

Dato 'Ir. Jaseni Bin Maidinsa, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP menyatakan lokasi ini sangat penting bagi PBAPP kerana berdekatan dengan Sg. Muda yang membekalkan lebih daripada 30% bekalan air Pulau Pinang. Ini menandakan sempadan Kedah dan Pulau Pinang dan yang didokumentasikan dalam perjanjian 1992 yang dimasukkan dalam Akta 1995. Dato 'Ir. Jaseni bin Maidinsa juga bersetuju sepenuhnya bahawa rakyat harus bersama-sama menjaga dan mengembangkan bidang ini. Tempat berkenaan bukan hanya untuk kegunaan tempatan dan domestik tetapi dapat memainkan peranan penting dalam menarik pelancong dan pengembara.



Ybhg. Datuk Bandar memperkenalkan Batu Sempadan Inggeris-Siam di Pinang Tunggal



Dato 'Ir. Jaseni Bin Maidinsa, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP menerangkan kepentingan Batu Sempadan tersebut kepada Encik Raschada Jiwalai, Konsul Jeneral



LAWATAN / CONFERENCE / KURSUS/ SEMINAR / WEBINAR KE LUAR NEGARA

LAWATAN KE LUAR NEGARA

1. *The Tenth Session Of The World Urban Forum* di Abu Dhabi, *The United Arab Emirates* pada 8 hingga 15 Februari 2020.
2. *Asean Sustainable Urbanisation Startegy Socialization Forum For Cities* di Jakarta Indonesia pada 20 hingga 21 Februari 2020

WEBINAR

1. *Citynet Webinar On Business Continuity Plan (BCP) during Pandemics Series No.3 CityNet Live Webinar III* pada 9 Jun 2020
2. *Invitation to the 4th Session of The CityNet Consultation Series 'Reflections on COVID 19: What the Data Reveal'* pada 23 Jun 2020
3. *UNESCO Invitation: Session II of ICH Webinar Series to Tackle the Teaching of Heritage Amidst the Pandemic* pada 2 Julai 2020
4. *Managing COVID-19 Pandemic- Experiences & Best Practices of China, Japan and The Republic of Korea* pada 2 Julai 2020
5. *Post Covid-19: Government, Higher Education and Industry Response Seminar – Online Seminar* daripada Universitas Narotama, Indonesia pada 4 Julai 2020
6. *World Bank Invitation: Launch of the Global Investment Competitiveness Report 2019/2020: Rebuilding Investor Confidence in Times of Uncertainty* pada 10 Julai 2020
7. *Web seminar: The Co-benefits of Climate Action: Accelerating City-level Ambition* pada 7 Oktober 2020
8. *Communication Skills to Battle the Climate Crisis: An Exclusive TED Training for Mayors and Staff* pada 26 Oktober 2020
9. *ALP Webinar on Electric Mobility Initiatives* pada 2 November 2020
10. *Virtual Training On Climate Data Reporting Through The CDP-ICLEI Unified Reporting System* pada 4 November 2020

11. *WeGO Executive Committee Meeting 2020 (EXCOM)* pada 17 November 2020
12. *CLC Webinar on "Resilient Rotterdam: Green City Lungs for COVID-Recovery"* pada 19 November 2020
13. *Webinar on Measuring Circular Economy Jobs in ASEAN Cities* pada 27 November 2020
14. *Seminar On Sustainable and Smart Cities: Building Education, Research and Skills Training Partnership Between The Sister Cities of Georger Town Penang and Adelaide* pada 8 Disember 2020
15. *Invitation to Northeast Asia Smart Cities Network (NEASCN) Online Pre-Workshop* pada 9 Disember 2020

LAWATAN / CONFERENCE / KURSUS / SEMINAR KE LUAR NEGARA

1. *The Tenth Session Of The World Urban Forum di Abu Dhabi, The United Arab Emirates pada 8 hingga 15 Februari 2020*

Pada 8 hingga 15 Februari 2020 YBhg. Datuk Bandar, Encik Wan Junaidy Bin Yahaya, Pengarah Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa, Encik Mohd Ridzal Bin Abdul, Ketua Unit Pelancongan, Seni & Warisan, Cik Normaira Binti Abdul Rahman, Ketua Unit Butterworth Baharu dan Encik Mohammad Asyraf Bin Abdullah, Penolong Pegawai Perancang Bandar telah menghadiri *The Tenth Session Of The World Urban Forum* di Abu Dhabi, The United Arab Emirates. Forum ini diadakan adalah bertujuan untuk bertukar kemahiran dan mempelajari pelbagai ilmu bagi memajukan pembangunan mampan melalui *New Urban Agenda* dan *Sustainable Development Goals* (SDGs).

Hasil daripada menghadiri forum ini Majlis Bandaraya Seberang Perai mencadangkan untuk membangunkan perisian sistem berintegrasi ini yang mana pelaporan adalah melalui video wall. Ianya adalah selaras dengan misi MBSP iaitu "Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi". Pelaporan melalui *video wall* ini merupakan satu usaha untuk berkongsi amalan terbaik bersama *stakeholders* dalam tadbir urus MBSP sebagai sebuah Kerajaan Tempatan.



Ybhg. Datuk Bandar bersama pegawai - pegawai bergambar Her Excellency Executive Director UN Habitat Dato' Seri Maimunah Mohd Sharif.



Ybhg. Datuk Bandar membentangkan kertas kerja Sustainable Development Goals.



Kunjungan Hormat Pegawai MBSP bersama Her Excellency Executive Director UN Habitat Dato' Seri Maimunah Mohd Sharif.

2. Asean Sustainable Urbanisation Startegy Socialization Forum For Cities di Jakarta Indonesia pada 20 hingga 21 Februari 2020

Pada 20 hingga 21 Februari 2020, Puan Amira Binti Ahmad, Penolong Pengarah Kanan Kemsyarakatan telah menghadiri *Asean Sustainable Urbanisation Statery Socialization Forum For Cities* di Jakarta, Indonesia. Forum ini diadakan adalah bertujuan untuk menyelaraskan strategik utama urbanisasi ASEAN. Oleh itu, forum ini diadakan bagi memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai bagaimana untuk menggunakan formula bagi menghasilkan kertas kerja yang baik dalam mempromosikan projek-projek berkaitan *Sustainable Urbanisation Startegy*.

Hasil daripada menghadiri forum pegawai mendapat ilmu pengetahuan dengan memperkenalkan setiap Negara kepada pelbagai sumber kewangan yang ada di bawah program ASEAN, Walau bagaimanapun, kebanyakan institusi adalah menawarkan khidmat pinjaman kewangan seperti *Asia Development Bank* dan *The World Bank*. Memandangkan kebanyakan Negara ahli adalah Negara membangun, pinjaman kewangan bukanlah pilihan terbaik. Tambahan pula struktur Pentadbiran di Malaysia menjadikan pilihan untuk membuat pinjaman dengan institusi kewangan asing bukanlah dibawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh itu, adalah diharapkan pinjaman kewangan ini dapat diberikan dalam bentuk penajaan grant, perkongsian teknologi atau pelaburan.



Puan Amira binti Ahmad menghadiri Asean Sustainable Urbanisation Statery Socialization Forum For Cities di Jakarta, Indonesia.



Puan Amira binti Ahmad bersama peserta daripada Malaysia yang menghadiri Asean Sustainable Urbanisation Statery Socialization Forum For Cities di Jakarta, Indonesia.

WEBINAR KE LUAR NEGARA YANG DISERTAI OLEH MBSP TAHUN 2020

1. Citynet Webinar On Business Continuity Plan (BCP) during Pandemics Series No.3 CityNet Live Webinar III pada 9 Jun 2020

PESERTA

- Puan. Siti Nurhayati Binti Abdul Rahman
Penolong Pengarah Kanan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa
- Puan Norhayati Binti Kamaruddin
Penolong Pegawai Tadbir Korporat dan Perhubungan Antarabangsa
- Puan Hafiza Binti Ab Malek
Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa

OBJEKTIF

Sesi *CityNet* Webinar ini memfokuskan kepada kesan *Business Continuity Plan* (BCP) semasa pandemik dengan merangkumi bukan sahaja masalah kesihatan wabak tersebut malahan juga dari segi aspek sosial, ekonomi dan politik krisis. Melalui perkongsian amalan terbaik daripada BCP dalam konteks yang berbeza yang memberi fokus khusus untuk mengatasi wabak ini, MBSP berharap dapat menyediakan pangkalan maklumat yang mengandungi ilmu pengetahuan yang dapat digunakan untuk bandar-bandar yang mengalami kesulitan dalam mengimbangi antara jangkaan gelombang penularan masa depan dan pemulihan aktiviti Bandar daripada pelbagai sektor.

KESIMPULAN

Webinar ini memberi peluang besar kepada warga MBSP dalam memahami konsep *Business Continuity Plan* (BCP) semasa berlakunya wabak yang merangkumi aspek ekonomi, kesihatan dan pendidikan. Antara hasilnya, para peserta dapat memperoleh pengetahuan dari pembentangan melalui para penyampai yang berkongsi pelbagai kesukaran, ekspektasi, penularan dan pemulihan aktiviti bandar di masa depan di semua sektor.





2. Invitation to the 4th Session of The CityNet Consultation Series 'Reflections on COVID 19: What the Data Reveal' pada 23 Jun 2020

PESERTA


- Datuk Sr. Haji Rozali Bin Haji Mohamud
Mayor of Seberang Perai

OBJEKTIF

Sebahagian besar bandar-bandar telah melaksanakan perintah kawalan pergerakan dan mulai beralih ke norma baharu. Walaupun dengan ketidakpastian, beberapa pakar telah mengemukakan persoalan apakah penutupan dan langkah-langkah pengekangan lain yang dikenakan oleh kerajaan telah membantu mencegah penyebaran Covid-19. Dua perbezaan utama telah mencirikan penutupan kemudahan dan tinggal di rumah. Ini terbukti merosakkan mobiliti dan ekonomi umum sementara kerajaan lain menekankan perintah kawalan pergerakan sebagai langkah paling berkesan, yang lain memilih untuk tidak menyekat pergerakan. Ini memberikan dapat menurunkan jumlah kematian kes COVID-19.

KESIMPULAN

Artikel Dr. Anjum Altaf mengenai Perintah Kawalan Pergerakan, '*Pakistan, India and Lockdown*' dibuat berdasarkan premis yang menarik, disokong dengan data, bahawa Perintah kawalan Pergerakan telah memberikan hasil yang berbeza di India dan Pakistan. Untuk sesi ini, Dr. Altaf akan menjelaskan lebih lanjut mengenai faktor-faktor apa yang telah menyumbang kepada hasil yang berbeza dan cadangan dalam membantu membuat keputusan berhubung isu COVID-19. Lebih-lebih lagi, panelis yang dijemput akan memberi maklumbalas berkaitan dengan perbincangan tersebut. Mereka juga akan berkongsi perspektif mengenai bagaimana Perintah Kawalan Pergerakan memberi kesan yang lebih besar bukan hanya pada kesihatan dan ekonomi tetapi juga pada kesejahteraan umum masyarakat.



3. UNESCO Invitation: Session II of ICH Webinar Series to Tackle the Teaching of Heritage Amidst the Pandemic pada 2 Julai 2020

PESERTA

- Tpr. Mohd Ridzal Bin Abdul
Pengarah Pelancongan, Seni & Warisan

OBJEKTIF

Sesi webinar ini menerangkan kesan pandemik COVID-19 terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam bidang pengajian tinggi berkaitan warisan dan cabaran semasa yang dihadapi oleh universiti. Untuk meneroka amalan, model pengajaran yang inovatif, reka bentuk instruksional, dan kaedah pembelajaran yang memperkuatkan daya maju warisan dan semasa COVID-19. Ianya juga menerangkan peranan kerjasama dalam berkongsi sumber pengajaran dan bertukar pengetahuan melalui rangkaian universiti serta menentukan pendekatan yang relevan untuk pengajaran dan pembelajaran masa depan dalam bidang berkaitan warisan.

KESIMPULAN

Secara umumnya seminar ini memberi banyak manfaat kepada peserta-peserta kursus. Terdapat beberapa perkara yang boleh digunapakai diperingkat Majlis. Antaranya adalah :-

- Pendekatan Pengurusan Seminar Pasca Covid 19
 - Pengurusan Seminar Pasca Covid 19 melalui Webinar ataupun melalui mana-mana media iaitu melalui talian amat penting dan menjimatkan kos serta boleh dicapai oleh ramai peserta. Perkara tersebut boleh di praktikkan oleh MBSP.
- Kreativiti Di dalam Melaksanakan Sesuatu Projek.
 - Melalui pemikiran yang kreatif sesuatu halangan atau kelemahan itu boleh dijadikan sebagai cabaran didalam merancang satu pakej pelancongan dengan lebih kreatif yang dapat menarik pelancong-pelancong ke Seberang Perai.
 - Di dalam menyediakan satu pakej pelancongan yang menarik ianya juga perlu mengambilkira dari keadaan semasa, identiti tempat, kemudahan infrastruktur, penglibatan komuniti kearah melahirkan satu pakej pelancongan yang komprehensif.



The poster for the ICH Webinar Series Session 2 features a blue background with white and yellow text. At the top, it says 'ICH Webinar Series' in large white letters. Below that, a yellow banner reads 'Session 2 Teaching and Learning Heritage-related Disciplines during COVID-19 Pandemic'. The central theme is 'What are the current challenges faced by universities in teaching heritage-related disciplines?'. It lists a Moderator, Hahm Hanhee, and five Speakers: Neel Kamal Chapagain, Kristal Buckley, Nikhil Joshi, Danilo Pesce, and Jin Jiangbo. Each speaker's name is accompanied by a circular portrait and their affiliation. The event is scheduled for July 2, 2020, from 17:00-19:00 (KST) and 15:00-17:00 (Bangkok Time). Logos for ICHCAP and UNESCO are visible in the top corners.

ICH Webinar Series

Session 2 Teaching and Learning Heritage-related Disciplines during COVID-19 Pandemic

"What are the current challenges faced by universities in teaching heritage-related disciplines?"

Moderator

Hahm Hanhee
Professor emeritus
Jeonbuk
National University
(Republic of Korea)

Speakers

Neel Kamal Chapagain
Professor
Ahmedabad
University
(India)


Kristal Buckley
Lecturer
Deakin University
(Australia)

Nikhil Joshi
Senior Lecturer
National
University of Singapore

Danilo Pesce
Research fellow
Politecnico di Torino
(Italy)

Jin Jiangbo
Professor
Shanghai University
(China)

July 2, 2020
17:00-19:00 (KST, Korean Standard Time)
15:00-17:00 (Bangkok Time)



4. Managing COVID-19 Pandemic- Experiences & Best Practices of China, Japan and The Republic of Korea pada 2 Julai 2020

PESERTA

- Encik Muhammad Nasir Bin Abdul Salam
Pembantu Tadbir Kanan
Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa

OBJEKTIF

